



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

Jilid IV

Bil. 2

Hari Selasa

10hb Mei, 1994

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL;

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah
- Y.B. Puan Hajah Zaleha binti Hussin**

(Ruangan 39)

DN.10.5.94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 10hb Mei, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERJANJIAN AM MENGENAI TARIF DAN PERDAGANGAN (GATT) - HASIL

1. Dato' K. Vijayanathan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah faedah-faedah jangka pendek dan panjang dalam peluang-peluang perdagangan dengan menandatangani Perjanjian Am Atas Tarif dan Perdagangan (GATT) yang dipersetujui di Marrakesh.

16.5.94

11. Tuan Fu Ah Riow minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah implikasi penyelesaian perundingan dan tandatangan GATT terhadap ekonorai Malaysia pada amnya dan khususnya terhadap industri perkhidmatan, industri kecil dan sederhana; dan
- (b) apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi pengusaha tempatan yang terlibat dan menyediakan mereka menghadapi cabaran baru.

17.5.94

39. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan peranan Malaysia dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan bagaimanakah Malaysia dapat memanfaatkan daripada pembentukan WTO dan apakah persediaan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang terlibat terutama dalam isu-isu sosial seperti pemburuan dan alam sekitar dalam sebarang rundingan perdagangan masa depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' S. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, bersama dengan pertanyaan ini izinkan saya menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Foo Ah Kiow pada 16hb Mei, 1994 dan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Othman pada 17hb Mei, 1994 kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, satu hasil utama Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala Pusingan Uruguay di bawah rangka kerja Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) yang telah diselesaikan secara rasminya di Marrakesh pada 15hb April tahun ini ialah penubuhan World Trade Organisation (WTO). Badan ini akan bertanggungjawab untuk melaksanakan kesemua persetujuan-persetujuan yang telah tercapai dalam rundingan tersebut.

Penubuhan WTO akan menentukan disiplin perdagangan antarabangsa yang lebih kukuh dan pengawasannya yang terselaras. Ia bukan sahaja dapat membendung sentimen perlindungan dan meninggikan keyakinan para usahawan dan pelabur terhadap sistem perdagangan pelbagai hala tetapi juga akan menentukan semua obligasi konsesi dan kawalan yang bertujuan membebaskan lagi perdagangan antarabangsa dilaksanakan lebih teratur dan berkesan oleh semua pihak pejanji.

Menurut anggaran Sekretariat GATT, kesan Pusingan Uruguay dijangka akan meningkatkan perdagangan dunia sebanyak US\$740 bilion dalam tempoh 10 tahun serta peningkatan pendapatan sedunia sebanyak US\$230 bilion setahun.

Berpandukan kepada penilaian awal GATT pengurangan tarif di pasaran eksport utama Malaysia bagi barangan-barangan perkilangan adalah melebihi 45%. Sebahagian besar pasaran eksport utama Malaysia bagi barangan pertanian akan menurunkan tarif sebanyak 35%. Pembukaan pasaran yang lebih baik ini akan memberi manfaat kepada pengeksport-pengeksport Malaysia.

Di sektor perkhidmatan, Malaysia telah membuka pasaran tertentu di beberapa sektor. Memandangkan Malaysia telah memberikan komitmennya kearah liberalisasi yang berterusan di bidang perkhidmatan, industri perkhidmatan Malaysia perlu menyesuaikan keadaan bagi menghadapi situasi pasaran terbuka dan dalam masa yang sama mengambil kesempatan dari peluang-peluang yang wujud hasil daripada liberalisasi perdagangan sektor perkhidmatan secara global.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus melaksanakan komitmennya seperti terkandung dalam Final Act dan penyertaan proaktifnya di World Trade Organisation (WTO). Malaysia juga perlu mengubahsuai sebahagian daripada dasar dan peraturannya bagi memenuhi perjanjian Pusingan Uruguay. Ini termasuk perubahan kepada syarat-syarat kandungan tempatan yang berkaitan dengan pelaburan dalam tempoh peralihan 5 tahun dan subsidi eksport dalam sektor perkilangan. Pengeksport-pengeksport tempatan perlu meningkatkan daya saing dan pendekatan pamasaran mereka untuk bertanding dengan lebih agresif di pasaran antarabangsa bagi meraih pasaran yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa negara maju telah cuba memasukkan isu-isu sosial ke dalam Pengisytiharan Marrakesh dan program kerja Pertubuhan Perdagangan Dunia, Pendekatan mereka adalah untuk mengaitkan isu

sosial seperti standard perburuhan dan hak-hak pekerja dengan rundingan perdagangan antarabangsa. Usaha tersebut tidak berjaya di Marrakesh memandangkan bahawa majoriti besar negara-negara yang sedang membangun tidak menyokong cadangan berkenaan.

Di kalangan negara-negara maju sendiri seperti di Eropah, usaha tersebut tidak mendapat sokongan yang baik. Malaysia bersama rakannya di ASEAN dan negara-negara anggota G-15 di Marrakesh telah membantah cadangan untuk mengaitkan isu "social clauses" dengan perdagangan antarabangsa. Isu-isu sosial tersebut hanya dikandungkan dalam Kenyataan penutup Pengerusi Trade Negotiations Committee yang tidak mengikat negara-negara anggota GATT. Di sebaliknya, Jawatankuasa Persediaan (Preparatory Committee) akan menetapkan secara konsensus sama ada isu-isu sosial akan dijadikan agenda dan program kerja WTO kelak.

Malaysia akan terus menyuarakan bantahan terhadap kaitan antara isu sosial dengan perdagangan antarabangsa tersebut memandangkan ia semata-mata merupakan satu pendekatan yang negatif dan boleh melemahkan daya saing negara-negara yang sedang membangun dalam arena perdagangan antarabangsa.

Di Marrakesh, ASEAN dan negara-negara G-15 telah bersetuju untuk bekerjasama mengambil pendekatan bersama bagi memastikan program kerja WTO mengambil kira kepentingan dan tahap kemajuan ekonomi negara-negara membangun. Malaysia juga akan mengamalkan strategi dan pendekatan proaktif dalam memastikan isu-isu baru seperti isu alam sekitar tidak digunakan sebagai helah untuk mengenakan sekatan perdagangan oleh pihak-pihak tertentu.

KUOTA BAKAL HAJI

2. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah hanya 19,000 sahaja yang dapat menunaikan fardu haji dan sebelum ini dijelaskan angkanya berbeza.

50. Tuan Shuib bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan adakah kuota pengerjaan haji yang dibenarkan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada jemaah Malaysia itu meliputi bakal haji yang pergi melalui agensi lain. Dan ada juga jemaah-jemaah haji warganegara lain yang pergi melalui LUTH, bagaimanakah status kuota mereka. Berapa ramai-kah jemaah haji negara lain yang mengerjakan haji melalui LUTH sejak dari tahun 1990.

16.5.94

43. Tuan Rahim bin Baba minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan umat Islam yang menunaikan fardu haji bagi tahun 1993 dan 1994 dan anggaran bagi tahun 1995: dan
- (b) oleh kerana pihak Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota, apakah Lembaga Urusan Tabung Haji tidak bercadang untuk mengkaji semula cara pemilihan sekarang dari sistem pendaftaran dulu didahulukan kepada sistem yang lebih adil di mana mereka yang tidak pernah menunaikan fardu haji diberikan keutamaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan No. 2 daripada Yang Berhormat Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin pada hari ini, bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut pada hari ini dan daripada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba pada 16hb. Mei, 1994, oleh kerana soalan-soalan ini mempunyai maksud yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kuota yang dibenarkan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada bakal-bakal haji Malaysia untuk menunaikan fardu haji pada musim haji 1414 Hijrah bersamaan tahun 1994 Masehi ialah 19,000 orang sahaja. Angka ini berdasarkan kepada keputusan Persidangan Menteri-menteri Luar Islam (OIC) ke-17 di Amman, Jordan di mana hanya 0.01% sahaja daripada penduduk sesebuah negara yang dibenarkan menunaikan fardu haji.

Sebelum ini, pihak Kerajaan Arab Saudi pun telah mengenakan kuota tersebut ke atas bakal-bakal haji Malaysia tetapi setelah beberapa rayuan dibuat, akhirnya kesemua bakal-bakal haji dibenarkan pergi menunaikan haji. Hanya mulai tahun ini, 1414 Hijrah, Kerajaan Arab Saudi berpegang teguh kepada kuota tersebut,

Tuan Yang di-Pertua, kuota yang dibenarkan kepada bakal-bakal haji Malaysia adalah termasuk bakal-bakal haji yang pergi menunaikan haji melalui syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji sahaja. Pada tahun ini, hanya 20 buah syarikat sahaja yang dibenarkan mengendalikan pemergian bakal-bakal haji ke Tanah Suci.

Tabung Haji juga memang ada mengendalikan bakal-bakal haji daripada negara-negara lain. Walau bagaimanapun, bilangan mereka tidak termasuk di dalam kuota bakal-bakal haji Malaysia. Sejak tahun 1990 hingga tahun 1993, seramai 940 orang jemaah haji dari negara lain telah menunaikan fardu haji melalui Tabung Haji.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sistem pendaftaran yang ada sekarang iaitu "siapa dahulu, dia dapat" telah pun mengakibatkan sesetengah mereka yang telah pernah pergi haji pun berpeluang untuk pergi haji. Dan dengan adanya kuota ini, apakah pihak Kementerian ataupun pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji bercadang

untuk mengadakan pendaftaran secara terbuka supaya mereka yang hendak pergi haji dapat tahu lebih awal bila mereka itu boleh pergi menunaikan fardu haji?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selain daripada mereka yang pertama kali menunaikan fardu haji, kita membenarkan yang lain menunaikan fardu haji kerana sebab yang pertama, berkenaan dengan menunaikan nazarnya; kedua, menunaikan haji untuk Allahyarham ayah atau bonda dan ada juga kes-kes di mana isteri dan anak perempuan mereka pergi dikehendaki ayahanda mereka atau abang mereka sebagai muhrim. Selain daripada itu, sistem yang dikendalikan oleh Tabung Haji pada masa ini adalah sistem yang seadil-adilnya yang dapat dijalankan oleh Kerajaan setakat **ini**. Kalau kita tidak menggunakan sistem "first come, first serve basis", menerusi komputer di seluruh negara, ramai yang lain tidak berpuas hati dengan tindakan kalau sistem lain digunakan.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bertanya pihak Kerajaan. Adakah keengganan pihak Kerajaan Arab Saudi untuk menambah kuota ini disebabkan kononnya perhubungan yang kurang baik di antara Kerajaan Malaysia dengan Arab Saudi dan satu lagi sebabnya ialah kononnya perilaku setengah-setengah jemaah-jemaah haji daripada Malaysia, terutamanya penyokong-penyokong parti Pembangkang yang sentiasa mengadakan demonstrasi dan kuliah-kuliah politik di Mekah?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan yang akhir tadi, lebih senang

dijawab, Setakat ini Tabung Haji dan Kerajaan Malaysia belum lagi menerima laporan daripada Kerajaan Arab Saudi berkenaan dengan rakyat Malaysia, tidak kira parti politikanya mengambil bahagian dalam kegiatan demokrasi politik dan sebagainya.

Sebenarnya perhubungan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi sangat erat oleh kerana apabila saya membuat rayuan kepada Menteri Haji Arab Saudi dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat rayuan kepada Al-Malek Fahd, Al-Malek Fahd mengirimi seorang perutusan khas (special envoy) untuk menjawab rayuan yang dikirimkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jikalau sekiranya perhubungan di antara kedua negara ini tidak begitu erat seperti yang disangkakan oleh Yang Berhormat tadi, maka beliau boleh menjawab secara surat bertulis dan pos tetapi ini menunjukkan bahawa Al-Malek Fahd mengutuskan Menteri Pendidikan Arab Saudi untuk menjawab rayuan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya tetap Kerajaan Saudi Arabia ini benarkan kuota kita 19,000 orang setiap tahun sedangkan yang hendak pergi tahun hadapan tentulah bertambah lagi 40,000 orang, adakah Jabatan Perdana Menteri atau Tabung Haji membenarkan hanya orang-orang yang belum pernah menunaikan fardu haji sahaja yang diberi keutamaan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan yang biasa dilakukan oleh kita tiap-tiap tahun selepas musim Haji, saya atau Timbalan Menteri.

saya akan pergi ke Arab Saudi berbincang dengan Menteri Haji berkenaan dengan kuota yang akan dikenakan kepada kita untuk tahun baru. Memang betul bahawa kuota tahun-tahun lalu 18,000 orang dan tahun ini 19,000 orang. Insya Allah, kalau diizinkan Allah Subhanahu Wataala, kuota tahun hadapan akan dapat lebih daripada 19,000 orang.

Berkenaan dengan soalan hanya "first timers" patut diutamakan dan orang lain tidak boleh, itu susah kita hendak menentukan seperti itu kerana sebab-sebab dari segi agama mengizinkan bahawa bukan sahaja "first timers" patut diluluskan pergi menunaikan fardu haji.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar kuota yang diberi kepada negara-negara Islam ini hanya negara kita sahaja yang jadi permasalahan kuota sedangkan di Indonesia kita dapati tidak penuh pada tiap-tiap tahun. Dan adakah Kerajaan Malaysia kita bercadang untuk mengemukakan permasalahan ini kepada negara-negara Islam yang lain kerana sejauh ini Saudi Arabia sahaja yang memonopoli kuasa jemaah haji ini. Sepatutnya, jemaah haji ini dikelolai oleh negara-negara Islam, bukan Saudi Arabia sahaja.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya macam negara jiran kita, negara Brunei Darussalam pada tahun lalu mempunyai masalah kuota oleh kerana mereka tidak dibenarkan menghantar jemaah haji yang berlebih daripada kuota mereka. Tahun ini alhamdulillah, mereka tidak menghadapi masalah seperti itu.

Indonesia mempunyai kuota yang besar oleh kerana penduduknya boleh dikatakan 160 juta manusia. Jadi, kuotanya 160,000 orang. Presiden Suharto sendiri menerangkan kepada saya pada tahun lalu bahawa oleh kerana keadaan ekonomi Indonesia belum lagi sebaik seperti Malaysia, terpaksa bukan semua dapat pergi menunaikan haji dari Indonesia. Setakat macam tahun lalu, hanya 125,000 daripada kuota 160,000. Mereka juga ingin memberi kelebihan kuota mereka untuk Malaysia tetapi apabila Menteri Agama Indonesia menulis surat kepada Menteri Haji Arab Saudi, jawapannya Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan oleh kerana ini secara 'bilateral' bukan 'multilateral'. Jadi, kita terpaksa mencari formula lain selain daripada formula penduduk ataupun 0.01%.

Saya bercadang untuk selain daripada formula bilangan penduduk negara Islam, patut di'consider' ataupun difikirkan bahawa prestasi ekonomi negara patut menjadi satu formula untuk menentukan kuota haji. Macam Malaysia syukur alhamdulillah, keadaan ekonomi kita sekarang sangat tinggi dan umat Islam boleh dikatakan mewah jika dibandingkan 10 tahun yang lalu. Oleh itu, bilangan umat Islam yang ingin menunaikan fardu haji bertambah tiap-tiap tahun.

Tetapi kita mesti juga mengambil perhatian bahawa di Mina, kawasanya terlalu terhad untuk menampung lebih daripada 2 juta manusia dalam 3 atau 4 hari yang perlu kita berada di situ, Oleh kerana 'space constraint' yang dihadapi oleh Kerajaan Arab Saudi, mereka juga ingin agar tetamu Allah ini pergi ke Tanah Suci secara selesa dan selamat. Jikalau mereka tidak dapat menjamin keselamatan dan keselesaan bakal-bakal haji, mereka memikirkan seelok-eloknya kuota ini patut dipatuhi oleh negara-negara Islam setakat ini.

PENGGANTUNGAN URUSNIAGA SAHAM DI BSKL

3. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) berapa buah syarikatkah yang disenaraikan di BSKL telah memohon penggantungan saham mereka dari diniagakan di sepanjang tahun 1993-1994;
 - (b) apakah pihak Kementerian sedar terdapat syarikat yang sengaja memohon penggantungan saham mereka tanpa sebarang sebab yang diberikan dan penggantungan ini berlarutan tanpa diketahui bila akan diniagakan semula dan keadaan ini telah menyusahkan pelabur-pelabur kecil; dan
 - (c) untuk mengelakkan syarikat dari menggantung saham mereka dengan sesuka hati apakah Kementerian melalui Suruhanjaya Sekuriti bercadang mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dan menghadkan lama sesebuah syarikat itu dari digantung.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan
Yang di-Pertua,

- (a) Dari Januari 1993 sehingga 30hb April 1994 sebanyak 74 buah syarikat telah memohon urusanniaga saham mereka di Bursa Saham Kuala Lumpur digantungkan. Daripada jumlah tersebut, 53 syarikat digantungkan dalam tahun 1993 dan 21 syarikat pada tahun ini.
- (b) Setakat ini semua syarikat yang meminta saham-saham mereka digantung memberi sebab-sebab untuk berbuat demikian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh masa bagi penggantungan adalah berbeza-beza mengikut jenis permintaan. Misalnya, penggantungan bagi membolehkan syarikat mengumumkan pencapaian kewangan syarikat hanya memakan masa sehari sahaja berbanding dengan tempoh penggantungan bagi yang berkaitan dengan penyusunan semula yang memakan masa lebih lama. Secara amnya, syarikat-syarikat yang disenaraikan menggantungkan sahamnya daripada urusanniaga untuk tempoh tidak lebih daripada dua minggu.

- (c) Memandangkan bahawa penggantungan saham sesebuah syarikat adalah atas sebab-sebab yang tersendiri dan wajar, maka adalah kurang sesuai untuk Kerajaan mengenakan sebarang bad tempoh maksimum ke atas perkara **ini**. Penggantungan dilakukan untuk memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur bagi memastikan keputusan pelaburan mereka diasaskan kepada maklumat yang lengkap dan tepat. Ini penting untuk mengelak daripada berlakunya kegiatan perniagaan dalaman Pihak Suruhanjaya Sekuriti sentiasa mengawasi dan meneliti penggantungan urusan sahaja syarikat-syarikat dan juga ke atas pengumuman yang dibuat sejurus daripada penggantungan itu. Oleh yang demikian, peluang atau kesempatan untuk penyelewengan adalah amat terhad sekali.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pada amnya syarikat-syarikat dibenarkan menggantung tidak lebih daripada dua minggu. Tetapi saya mempunyai bukti-bukti di mana terdapat syarikat-syarikat yang telah pun menggantung sahamnya lebih daripada dua minggu. Soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sejak kebelakangan ini banyak syarikat-syarikat awam yang telah pun sebegitu ghairah menandatangani apa yang dikatakan Memorandum of Understanding (MOU) dan selepas itu sahamnya pun melonjak naik.

Selepas sebulan atau dua bulan menandatangani MOU itu, keluar pula satu pengumuman bahawa MOU yang telah pun ditandatangani tadi tidak jadi dilaksanakan. Akhirnya, yang menanggung kerugian ialah pelabur—pelabur kecil. Jadi, apakah tindakan yang telah pun diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan syarikat-syarikat awam tidak dengan sebegitu sewenang-wenangnya menandatangani MOU itu tadi.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama, saya katakan bahawa secara amnya penggantungan adalah kira-kira dua minggu. Memang Kerajaan tahu dan sedar bahawa ada kes-kes di mana penggantungan itu lebih daripada dua minggu. Umpamanya, dalam kes Union Paper, penggantungannya adalah kira-kira 69 hari dan ada lagi kes seperti Pangkalen, Cash dan Sri Hartamas di mana saham-saham raereka telah digantung sejak 22hb Mac yang lalu. Ya, memang ada - benar, ya.

Yang kedua berkaitan dengan MOU yang ditandatangani, Kerajaan khususnya pihak BSKL dan juga Suruhanjaya Sekuriti memang sedar akan tindakan beberapa buah syarikat yang menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dan mungkin ada di antara MOU tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Sekuriti sentiasa mengawasi keadaan ini dan jika didapati suatu MOU memang telah tidak memberi gambaran yang sebenarnya, maka pihak Suruhanjaya Sekuriti tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan ingin menasihati pelabur-pelabur supaya berhati-hati apabila membaca laporan-laporan akhbar agar mereka tidak tertipu ataupun terpedaya dengan berita-berita palsu yang mungkin sengaja diadakan itu.

KESALAHAN LALU LINTAS - BAYARAN KOMPAUN MELALUI SISTEM BERKOMPUTER

4. Puan Kelsom binti Yaacob minta Menteri Pengangkutan menyatakan tidakkah ada cadangan Kementerian Pengangkutan menggunakan sistem berkomputer mengenai bayaran denda-denda yang dikenakan kepada pengguna jalanraya, untuk membolehkan bayaran dibuat di mana-mana tempat tinggal atau Balai Polis yang berhampiran, tidak semestinya membayar di mana tempat pengguna itu melakukan kesalahan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, projek pengkomputeran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah dalam peringkat akhir pelaksanaannya. Strategi pelaksanaan projek ini adalah dengan mengagihkannya kepada 3 pakej atau version, dengan izin. Sistem penguatkuasaan adalah dalam pakej terakhir dan akan dimulakan pelaksanaannya pada akhir Mei 1994 dan dijangka tamat pada akhir November 1994. Setelah sistem ini beroperasi sepenuhnya, kesemua kesalahan lalulintas, offences, dengan izin, yang dikompaun oleh pegawai penguatkuasa JPJ boleh dibayar di mana-raana Pejabat JPJ tetapi kompaun ini tidak boleh diselesaikan di Balai Polis.

**LANDASAN KERETA API BERKEMBAR DARI SEREMBAN
KE KUALA LUMPUR - PEMBINAAN**

5. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah perkembangan pembinaan jalan kereta api kembar dari Seremban ke Kuala Lumpur dan adakah landasan kereta api ini ditukar dari kayu kepada simen itu kukuh.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan landasan berkembar dari Seremban ke Kuala Lumpur telah siap sebanyak 95.5% dan dijangka siap keseluruhannya pada bulan Oktober 1994. Landasan keretapi ini yang ditukar dari kayu kepada simen adalah kukuh.

GURU MATEMATIK DAN SAINS - PENEMPATAN DI SEKOLAH LUAR BANDAR

6. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah guru-guru yang mahir dan mempunyai pengkhususan dalam matapelajaran Matematik dan Sains akan ditempatkan di sekolah-sekolah di luar bandar bagi mengatasi masalah kemerosotan pencapaian dalam matapelajaran Matematik dan Sains dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Micheal Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya guru-guru Matematik dan Sains akan ditempatkan di semua sekolah tidak kira di bandar atau luar bandar sebaik sahaja guru-guru berkenaan tamat kursus-kursus perguruan mereka setiap tahun. Bagi tahun 1994 penempatan guru-guru berkenaan telah mula dibuat sejak awal tahun ini.

KEM BELIA - PEMBINAAN

7. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini berapa buah Kem Belia telah siap dibina daripada 10 buah yang dirancangan di seluruh negara dan apakah kursus-kursus jangka pendek yang akan dijalankan di kem-kem ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, daripada 10 buah yang dirancangan, hanya sebuah kem belia telah dibina setakat ini, iaitu Kem Belia Waja di Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kos pembinaannya ialah RM4.5 juta, boleh menempatkan 200 peserta dan mula beroperasi pada 1hb Februari, 1994,

Kursus-kursus jangka pendek yang dijalankan di kem ini ialah:-

- (i) Kursus Kepimpinan - 6 hari;
- (ii) Kursus Pengurusan Organisasi Sosial - 6 hari;
- (iii) Kursus Motivasi Pemimpin Remaja - 6 hari;
- (iv) Kursus Pembangunan Minda Remaja - 5 hari;
- (v) Kursus Bina Kerjaya Cemerlang - 5 hari;
- (vi) Kursus Motivasi Belia Industri - 6 hari;
- (vii) Kursus Kepimpinan Waja - 6 hari;
- (viii) Kursus Motivasi Keluarga Bahagia - 6 hari;
- (ix) Kursus Kaunseling - 6 hari;
- (x) Kursus Pengucapan Asas - 4 hari.

Walaupun Kementerian Belia dan Sukan rnebina sebuah sahaja kem belia, tetapi dengan kerjasama Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri, sebuah lagi kem belia akan dibina di Kuala Lipis. Program-program untuk belia dapat dijalankan di seluruh negara dengan menggunakan kem yang dikelolakan oleh BTN.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, apakah matlamat kem belia ini ditubuhkan sedangkan lagi banyak kem belia ditubuhkan, lagi banyak ribu pertubuhan belia yang ditutup? Jadi, saya perlu penjelasan tentang matlamat kem belia ini diadakan?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya perkatakan tadi, melalui kursus-kursus ini kita cuba hendak melahirkan generasi belia yang berwawasan, yang berwibawa, yang boleh kita gunakan sebagai aset ataupun khazanah untuk membangunkan negara dan juga kita jadikan sebagai golongan teras untuk menjayakan Wawasan 2020.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh ini saya dapati kem belia ini dapat memberi peluang yang amat banyak kepada belia-belia dalam menyertai kursus-kursus dan peningkatan kemajuannya telah kita dapati daripada persatuan-persatuan. Tetapi malangnya, peserta-peserta kursus ini tidak dapat mengambil bahagian dengan sepenuhnya kerana tidak ada peruntukan diberi kepada persatuan-persatuan belia yang memberi peluang kepada peserta-peserta kursus ini mempertingkatkan kemajuan persatuannya ataupun bidang kursus yang disertainya. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan-peruntukan kepada belia-belia yang dihantar oleh persatuan untuk mempertingkatkan persatuan?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya Kementerian Belia dan Sukan tidak ada menyediakan peruntukan sedemikian rupa kepada mana-raana persatuan belia yang hendak menghantar ahli-ahlinya menyertai kursus di kem Kementerian Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, bagi ahli-ahli belia mana-mana persatuan yang ingin menyertai kem tersebut secara individu, bolehlah kita memberi sedikit bantuan kewangan kepada peserta **ini**. Dan juga pada masa yang sama, kita akan mendapat kerjasama daripada pihak lain, misalnya pihak swasta untuk membiayai perbelanjaan menyertai kursus ini.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kursus ini dijalankan sepanjang tahun? Itu yang pertama.

Bagaimanakah caranya belia boleh menyertai kem ini? Adakah juga dipertimbangkan untuk belia yang tidak berpersatuan, tetapi bekerja di sektor industri yang sukar untuk mendapat cuti dan pelepasan untuk menikmati kemudahan ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan Kementerian Belia dan Sukan, kursus yang akan kita jalankan di kem ini adalah merupakan kursus sepanjang tahun dan akan digunakan sepanjang masa. Cara untuk menyertai kursus ini adalah dengan dua cara. Pertama, melalui permohonan yang dihantar terus daripada persatuan belia kepada Kementerian Belia dan Sukan. Yang keduanya, dengan cara Kementerian sendiri memilih peserta daripada mana-mana persatuan ataupun badan-badan sukarela. Mana-mana peserta yang dipilih untuk menyertai kursus di kem **ini**, kita akan berusaha dengan mana-mana pihak swasta di mana peserta ini bekerja supaya mendapat kemudahan lepasan cuti.

RTM - KEMEROSOTAN MINAT PENONTON

8. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Penerangan menyatakan strategi baru RTM dalam menangani masalah kemerosotan jumlah peminatnya sekarang berbanding dengan penambahan jumlah peminat TV3. Perkara kehilangan selera menonton siaran RTM akan lebih ketara lagi apabila adanya siaran tambahan TV4 dan penggunaan alat pancaran Parabola kelak.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, minat penonton kepada siaran TV1 dan TV2 pada waktu ini sangat memuaskan berbanding dengan TV3. Sebagai contoh, 'ratings' bagi minggu ke-15, 16 dan 17, iaitu tiga minggu berturut-turut, daripada 19hb April hingga 4hb Mei, 1994, TV1 mcngumpulkan 'ratings' antara 25 hingga 29 point, manakala TV2 antara 15 hingga 17 point, berbanding dengan TV3 antara 21 hingga 24 point. Punca 'ratings' adalah daripada Standard Research Malaysia (SRM) indeks pada minggu ke-15 hingga 17 tahun 1994, Bagi minggu tersebut, 10 rancangan terbaik TV1 adalah terbitan tempatan dan filem-filem Melayu. 10 rancangan terbaik TV2 terdiri daripada terbitan-terbitan tempatan sebanyak 50%, manakala selebihnya filem-filera cereka daripada luar negeri. Berita Perdana 'ratings'nya 17 hingga 18, berbanding dengan Buletin Utama TV3 mendapat 'ratings' 17 hingga 20. Walau bagaimanapun, kedudukan 'ratings' bagi 3 minggu yang dimaksudkan ini meyakinkan kita bahawa RTM masih lagi mendahului dari segi popularitinya di kalangan masyarakat Malaysia.

Walau bagaimanapun, dalam perancangan strategi TV1 dan TV2 serta RTM keseluruhannya, Jabatan Penyiaran telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi memperbaiki lagi rancangan RTM:-

- (i) peningkatan mutu penerbitan tempatan dengan mempelbagaikan bidang rancangan;
- (ii) mengadakan 'cross promo', iaitu Kadio mempromosikan rancangan-rancangan TV, antara Radio dan TV khususnya, antara TV1 dan TV2 dengan stesen-stesen Radio 3 di negeri-negeri;
- (iii) menjalankan kaji selidik oleh Bahagian Penyelidikan, Kementerian Penerangan dan SRM dengan penonton sasaran berpandukan demography penduduk dan keperluan semasa;
- (iv) menubuhkan Unit Pembangunan Rancangan yang dikendalikan oleh seorang pegawai kanan untuk Radio dan seorang untuk TV dengan tujuan untuk mengadakan 'research' dan 'development' bagi rancangan-rancangan RTM.

Persaingan yang akan dihadapi oleh RTM dengan wujudnya TV4 dan penggunaan alat pancaran Parabola adalah ketara kerana dengan adanya penyiaran TV4 dan pancaran Parabola kelak, potensi penonton yang berjumlah lebih kurang 8 juta orang di Malaysia akan mempunyai dua saluran TV tambahan lagi, iaitu saluran TV4 dan SNS, di samping saluran TV1, TV2 dan juga TV3 yang ada sekarang ini. Walau bagaimanapun, RTM dari masa ke semasa meningkatkan mutu rancangannya serta cuba memenangi hati rakyat melalui aktiviti bersepadu melibatkan rakyat secara terus, seperti aktiviti Telethon, K3P, persembahan-persembahan

antara stesen Radio, penerbitan bersama RTM/TVRI, RTM/SBC, RTM/TV Brunei, juga rancangan-rancangan Radio dan TV yang melibatkan penonton-penonton secara menyeluruh.

**OPERASI MENCEGAH MAKSIAH DI KUALA LUMPUR -
BILANGAN WANITA BAWAH UMUR YANG DITANGKAP**

9. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah wanita-wanita bawah umur yang ditangkap semasa operasi mencegah maksiat di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur sejak tahun 1992 hingga 1993 dan berapa dari mereka yang ditangkap terdiri dari rakyat asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah gadis di bawah umur yang ditangkap semasa operasi mencegah maksiat di Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun 1992 dan 1993 ialah seramai 586 orang. Tidak ada rakyat asing di bawah umur yang ditangkap kerana terlibat dengan kegiatan maksiat.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah hukuman kepada mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Saya tidak berapa pasti sama ada Yang Berhormat bertanya mengenai hukuman terhadap penganjur ataupun gadis yang di bawah umur ini. Kalau gadis di bawah umur ini hilang dan ditemui balik, dan kalau sekiranya tidak ada bukti atau apa-apa kesalahan, maka ianya dikembalikan kepada keluarganya. Kalau sekiranya terdapat ada sesuatu bukti di mana seseorang gadis di bawah umur itu perlu menjalani pemulihan, ia akan dihantar ke pusat-pusat yang berkenaan, Bagi sindiket-sindiket, kalau mereka yang menganjurkan maksiat, selama ini pihak yang berkuasa menjalankan penangkapan dan kalau dapat akan didakwa, kita dakwa dan kalau tidak dapat dakwa, kita hantar mereka di bawah Akta Kediaman Terhad. Setakat ini terdapat 39 orang sudah ditangkap dan dihantar atau dibuang negeri di bawah Akta Kediaman Terhad sebagai hukuman.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai takrif perbuatan 'maksiat' ini? Saya dapati apabila sesuatu gerakan mencegah raaksiat dilakukan ianya hanya tertumpu kepada belia-belia ataupun wanita-wanita Islam, apakah perbuatan-perbuatan yang sama, yang dilakukan oleh wanita-wanita ataupun belia-belia bukan Islam tidak ditakrifkan sebagai perbuatan maksiat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tidak mendiskriminasikan atau membezakan mana-mana satu pihak tidak kira

latar belakang agama ataupun latar belakang kaum.

Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, sebenarnya operasi-operasi mencegah maksiat **ini**, walaupun atas nama yang berlainan dijalankan oleh Pasukan Penguatkuasa yang berlainan, tetapi tindakan sudah diambil, walaupun di sini tidak dikatakan mereka yang telah 'cukup umur'. Kalau dikatakan 'cukup umur' kita boleh nampak angkanya, iaitu mereka yang terlibat dalam kegiatan maksiat ataupun pelacuran dan sebagainya.

Mengenai orang asing yang cukup umur. Selalunya kalau gadis yang tidak cukup umur susah hendak masuk ke dalam negara kita kerana pasport pun tidak ada, dia tidak boleh masuk. Jadi, yang masuk dengan pasport sah, kemudian yang menjalankan kegiatan pelacuran, saya ada angka di sini untuk makluman dan sebagai bukti bahawa penguatkuasa bukan sahaja menangkap sesuatu pihak.

Pada tahun 1992 terdapat 1,273 wanita negara asing telah ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan **ini**. Untuk tahun 1993 seramai 1,666 orang yang terlibat, jadi angka itu jauh lebih ramai daripada angka orang tempatan dan ini adalah satu gambaran yang lebih lengkap untuk Dewan yang mulia **ini**.

**AHLI MAJLIS TEMPATAN/PERBANDARAN/BANDARAYA - SYARAT
PERLANTIKAN**

10. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) syarat-syarat kelayakan berhubung dengan perlantikan seorang ahli Majlis Terapatan/Perbandaran/Bandaraya;
- (b) adakah syarat-syarat ini sama bagi seluruh negara;
- (c) jika tidak, kerana apa syarat-syarat ini tidak diselaras-kan; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk menghadkan tempoh perkhidmatan seorang ahli Majlis kepada dua penggal maksimumnya.

Timbalan Henteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji

Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perlantikan seseorang ahli Majlis Tempatan/Perbandaran/Bandaraya adalah seperti mana termaktub di bawah Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Peruntukan seksyen ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri melantik ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dari kalangan mereka yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

(b)&(c) Syarat-syarat ini adalah sama bagi seluruh Semenanjung Malaysia.

(d) Pada masa ini Kerajaan belum lagi ber-cadang untuk menghadkan tempoh per-khidmatan maksimum seseorang ahli Majlis kepada dua penggal. Mengikut peruntukan Akta yang ada, tempoh perkhidmatan seseorang ahli adalah tidak melebihi 3 tahun. Walau bagaimanapun beliau boleh dilantik semula.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat iaitu (b) dan (c), mengatakan syarat-syarat ini adalah digunakan di seluruh Malaysia, tetapi saya dapati di negeri Selangor ADUN-ADUN Barisan Nasional akan automatically, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menjadi Ahli Majlis Perbandaran Kelang. Tetapi di Negeri Perak tidak ada praktis seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, -----

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalannya?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya boleh jawab soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta 171, tidak menghadkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk menjadi Ahli Majlis Perbandaran, Bandaraya ataupun Majlis Kerajaan Tempatan dan mereka memenuhi syarat-syarat seperti yang dimaksudkan, oleh sebab itu mereka layak dipilih. Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri lain yang tidak melantik Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, itu adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri masing-masing.

SYARIKAT INSURANS - BILANGAN DAN JUMLAH MODAL

11. Tuan Limun Laikim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat insurans yang beroperasi di negara ini;
- (b) berapakah jumlah modal syarikat-syarikat insurans tersebut; dan
- (c) adakah syarikat insurans asing yang menjalankan perniagaan mereka di Malaysia.

Timbalan Menteri Rancangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada hari ini terdapat 61 buah syarikat insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1963 beroperasi di negara kita. Ianya terdiri daripada 41 buah syarikat yang menjalankan perniagaan insurans am, 5 buah syarikat yang menjalankan perniagaan insurans nyawa, 13 buah syarikat yang menjalankan perniagaan insurans komposit manakala 2 buah syarikat lagi menjalankan perniagaan insurans semula bagi perniagaan insurans am.
- (b) Setakat 30 Jun tahun lepas iaitu angka-angka terakhir yang ada pada Ketua Pengarah Insurans, jumlah modal di kalangan syarikat-syarikat insurans adalah sebanyak RM1,153.2 juta yang tergolong mengikut kategori seperti berikut:

Kategori	Jumlah (RM juta)	Peratusan (%)
Warganegara Malaysia		
Bumiputera	RM437.4	37.9
Bukan Bumiputera	RM325.7	28.3
Bukan Warganegara Malaysia		
(orang asing)	RM390.1	33.8

(c) Pada masa ini terdapat 10 buah syarikat insurans yang masih beroperasi sebagai cawangan asing di Malaysia.

MESIN ATM - ADUAN KEHILANGAN WANG

12. Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kajian telah dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa tentang sama ada mesin-mesin ATM yang dipakai oleh bank-bank hari ini benar-benar selamat untuk digunakan, memandangkan sebegitu banyak aduan telah dibuat tentang kehilangan wang melalui mesin-mesin ATM tersebut. Jika ya, nyatakan hasil kajian tersebut; jika tidak, mengapa.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ATM ataupun Automated Teller Machine ini diperkenalkan dalam negara kita sejak tahun 1981.

Pengenalan penggunaan kad-kad, dengan izin, Automated Teller Machine atau ringkasnya ATM di institusi-institusi kewangan adalah merupakan suatu kaedah perkhidmatan perbankan bagi kesenangan para pelanggan, iaitu alternatif kepada sistem kaunter yang sedia ada. Bank Negara dan institusi-institusi kewangan yang menyediakan

perkhidmatan ATM ini sentiasa mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengelakkan kejadian penipuan berhubung dengan mesin ATM.

Mengenai aduan-aduan kehilangan wang melalui ATM, Bank Negara dan institusi kewangan yang terlibat setelah membuat penyiasatan ke atas setiap aduan yang diterima telah berpuas hati bahawa setakat ini kehilangan tersebut bukannya disebabkan oleh kelemahan sistem dan mesin ATM, tetapi oleh kelalaian dan sikap cuai pemegang kad ATM sendiri terutamanya dalam menjaga kerahsiaan nombor pin kad ATM mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pihak Bank Negara telah menerima aduan-aduan berikut daripada pemegang-pemegang ATM

Tahun		Jumlah
1991	-	16 kes
1992	-	15 kes
1993	-	21 kes
1994 (30 April)	-	8 kes

TENAGA SOLAR - RANCANGAN/PROCRAM PENYELIDIKAN

13. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apa rancangan atau program penyelidikan yang telah atau akan dijalankan terhadap pembangunan tenaga solar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, lazimnya penggunaan tenaga solar boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu untuk:

- (i) penjanaan tenaga elektrik ataupun Photovoltaic Technology;
- (ii) pengeringan bahan iaitu Solar Drying Technology; dan
- (iii) pemanas air iaitu Solar Water Heater Technology.

Setakat ini Malaysia telah menjalankan beberapa projek demonstrasi Teknologi Fotovoltaik. Pengalaman dalam usaha membekalkan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh dari grid sama ada dalam negeri atau luar negeri menunjukkan bahawa kos pembekalannya adalah tinggi, khasnya kos modal bagi membeli sel-sel Fotovoltaik. Ini telah membawa kepada kadar penerapan yang rendah. Walaupun demikian, Kementerian ini terus berusaha mengkaji opsyen pembekalan elektrik dari sumber tenaga solar.

Baru-baru ini Kementerian saya telah melancarkan projek pembekalan elektrik melalui tenaga solar sebanyak 10 kilowatts bagi 17 buah rumah di Kampung Kuala Mandahan, Papar, Sabah.

Kementerian saya senantiasa mencari peluang menggunakan teknologi moden untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar sekiranya teknologi tersebut adalah 'economical', dengan izin. Sebagai langkah meneruskan usaha-usaha pembekalan elektrik dari tenaga solar, Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan Jepun akan menjalankan satu lagi projek Fotovoltaik 100 kilowatts pada tahun ini di negeri Sabah.

KESALAHAN MENCURI BALAK - BILANGAN KES

14. Tuan David Teoh Eng Hock minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa ramaikah pencuri-pencuri balak yang telah didakwa di mahkamah kerana kesalahan dan berapakah nilai wang balak yang diambil cara haram ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor] : Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebanyak 69 kes kesalahan mencuri balak telah dibawa ke mahkamah bagi tempoh 1988-1993. Dari jumlah tersebut, 26 kes kilang haram adalah di Selangor. Nilai wang ganti rugi yang dipungut adalah sebanyak RM36,952,769.04. Pecahan bilangan kes dan pungutan ganti rugi mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kes	Ganti Rugi (RM)
1988	5	1,127,064.55
1989	3	3,326,003.07
1990	12	5,000,779.64
1991	19	9,109,585.84

1992 - 14 kes termasuk 12 kes yang berlaku di Sarawak yang bernilai RM4,785,889.70; dan

1993 - 16 kes termasuk 5 kes berlaku di Sarawak yang bernilai RM13,603,446.24 iaitu melibatkan RM3.3 juta dikutip daripada kesalahan yang berlaku di Sarawak.

Fakta di atas menjelaskan bahawa juralah kes kesalahan mencuri balak yang dibawa ke mahkamah adalah 362 daripada semua kes yang dikesan di seluruh negara.

PELATIH ATLET LELAKI MENYALAHGUNAKAN KEDUDUKAN - TINDAKAN UNDANG-UNDANG

15. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada penyiasatan lanjut telah dijalankan terhadap jurulatih-jurulatih lelaki yang telah menyalahgunakan kedudukan mereka dengan mengambil kesempatan untuk melakukan gangguan seksual yang merungsingkan pemikiran atlet-atlet wanita hingga terjadilah peristiwa kematian pelumba lari Malaysia Rabia Salam.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa Polis telah memaklumkan bahawa kematian Allahyarhamah Rabia Abdul Salam adalah kerana terminum minyak kuda. Kementerian Belia dan Sukan percaya bahawa pihak berkuasa Polis mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam menjalankan penyiasatan kes ini. Sehingga penyiasatan tersebut selesai, adalah lebih baik supaya andaian-andaian yang mungkin boleh menjejaskan penyiasatan tidak dilakukan. Sehubungan dengan itu; terpulanglah kepada pihak Polis untuk mengambil tindakan susulan setelah selesai penyiasatan mereka termasuk mendakwa mereka yang terlibat ke muka pengadilan jika ianya perlu dan sesuai.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kes Allahyarhamah Rabia Salam ini telah pun hampir tiga bulan dan saya khuatir kalau dilambat-lambatkan lama-lama orang ramai pun akan lupa tentang masalah ini. Bolehkah pihak Kementerian berhubung dengan pihak Polis kerana kes ini saya fikir adalah 'straight forwards'. Apakah tidak ada jangka masa yang diberikan kepada pihak Polis supaya mengumumkan tindakan-tindakan yang diambil. Kalau ada yang bersalah, ambil tindakan daripada sekarang, jangan tunggu sampai rakyat terlupa mengenai kes ini.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, bagi pandangan Yang Berhormat ianya 'straight forwards', dengan izin, tetapi yang sebenarnya untuk mendapat keadilan yang semaksimumnya, saya percaya pihak Polis terpaksa mendapatkan maklumat yang lebih lengkap apatah lagi apabila ianya melibatkan agensi lain seperti pihak hospital dan juga beberapa pertubuhan sukarela. Saya minta supaya Yang Berhormat bersabar sekejap, dan biarlah Polis menjalankan tugas mereka, insya-Allah, apabila sampai masa dan ketikanya, kita tunggu dan lihatlah keputusan yang diambil oleh pihak Polis.

WANITA/SURI RUMAH - GALAKAN BEKERJA DI PASARAN BURUH

16. Dr. Ng Yen Yen minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah peranan dan tindakan selanjutnya dari Kementerian untuk menggalak suri-suri rumah tangga dan wanita-wanita mencari pekerjaan memandangkan keadaan negara sedang menghadapi kekurangan tenaga kerja separuh mahir dan mahir; dan
- (b) apakah tindakan dan program yang sedang dan akan dijalankan untuk meningkatkan taraf kemahiran pekerja-pekerja negara kita terutamanya pekerja-pekerja wanita.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kerajaan mengambil beberapa langkah yang sesuai untuk menggalakkan lebih ramai wanita atau suri rumah memasuki pasaran buruh serta menggalakkan mereka yang sedang bekerja dalam pasaran buruh melalui:
- (i) menggalakkan sektor swasta menubuhkan Pusat Asuhan Kanak-kanak (PAKK) di tempat-tempat pekerjaan atau di tempat berhampiran dengan cara memberi inisiatif pelepasan cukai bagi kos pembiayaan PAKK;
 - (ii) memberi kelulusan kepada majikan dalam mengadakan syif malam (10.00 malam hingga 6.00 pagi) untuk pekerja wanita dengan syarat majikan menyediakan pengangkutan percuma dan memberi elaun syif;
 - (iii) menggalakkan majikan-majikan menyediakan asrama kepada pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja wanita supaya pekerja-pekerja wanita yang datang dari jauh dapat terus bekerja dengan adanya tempat penginapan yang sempurna untuk mereka;
 - (iv) mengkaji kemungkinan dan kesesuaian 'flexi-time', dengan izin, untuk mengadakan waktu kerja yang khusus untuk pekerja-pekerja perempuan seperti di sebelah petang hingga ke malam bagi membolehkan kalangan kaum ibu bekerja di waktu-waktu tersebut yang sesuai kepada golongan kaum ibu;
 - (v) mengkaji kemungkinan dan kesesuaian untuk memberi faedah pelepasan cukai kos penjagaan kanak-kanak kepada ibu-ibu yang bekerja.
- (b) Sukacita saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan

taraf kemahiran pekerja-pekerja negara termasuk juga pekerja-pekerja wanita. Dalam hal ini Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Centre for Instructors and Advanced Skilled Training) bukan sahaja menawarkan kursus-kursus modular sepenuh masa di peringkat pra-pekerja (pre-employment) dan faska-pekerjaan (post-employment) tetapi juga Customised Courses, dengan izin, yang ditawarkan kepada majikan untuk pekerja masing-masing di sebelah petang dan hujung minggu. Dalam usaha melatih pekerja-pekerja **ini**, pekerja wanita ataupun laki-laki adalah diberi peluang yang sama untuk meningkatkan taraf kemahiran mereka.

BELIA - USAHA MENGERAKKAN SEMULA ORGANISASI

17. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengapa jentera penggerak belia negara begitu menurun, hingga menyebabkan 9,000 persatuan belia kaku dan apakah langkah-langkah atau usaha-usaha dijalankan bagi menggerakkan semula jentera gerakan belia pulih bagi menyahut seruan Wawasan 2020.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa fenomena yang menyebabkan jentera penggerak belia negara ini begitu menurun. Antaranya ialah:

- (a) kurangnya semangat kesukarelaan (swadaya). Semangat ini semakin pudar kerana kekeliruan dalam memahami tujuan dan konsep kesukarelaan itu sendiri;
- (b) tiada pemimpin pelapis yang berkebolehan untuk memimpin, mengurus organisasi dengan berkesan;
- (c) penghijrahan belia luar bandar ke bandar;
- (d) masalah kepimpinan organisasi itu sendiri;
- (e) pekerjaan yang menghadkan penglibatannya dalam organisasi;
- (f) sambutan dingin yang diberikan oleh ahli-ahli organisasi.

Dalam usaha menggerakkan semula organisasi tersebut beberapa rangka tindakan telah diambil, iaitu:

- (a) Memperkemaskan organisasi belia yang meliputi aspek pentadbiran, pengurusan, program keanggotaan, kakitangan sepenuh masa, tenaga sukarela dan kewangan.
- (b) Kebijaksanaan menggunakan sumber. Pergerakan Belia harus bijak menggunakan pelbagai sumber di sekelilingnya. Begitu juga semangat kreativiti, buah fikiran, tenaga fizikal, pelbagai kemahiran, keupayaan dan potensi belia di semua peringkat wajar dikenal pasti dan dipergunakan.
- (c) Sikap dan cara profesional masing-masing. Sikap, cara dan budaya kerja profesional perlu diamalkan. Latihan kepimpinan di semua peringkat serta kursus kaedah kerja telah dilaksanakan untuk membolehkan permasalahan belia dapat ditangani dengan sistematik.

- (c) Tradisi intelektual. Dalam menuju Wawasan 2020 pergerakan belia perlu mewujudkan tradisi intelektual atau budaya ilmu di kalangan pemimpin dan ahli-ahlinya.

Walaupun terdapat banyak lagi langkah yang boleh diambil oleh pihak tertentu, tetapi apa yang penting ialah komitmen pemimpin belia itu sendiri dalam menjayakan misi pergerakan dan cita-cita wawasan.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - TINDAKAN

18. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan Kementerian ke atas projek-projek perumahan yang terbengkalai akibat kemelesetan ekonomi pada tahun 1986 dan 1987. Nyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian ke atas beribu-ribu unit perumahan yang telah diduduki tetapi tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki (CF), Bagaimana masalah ini boleh berlaku.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak projek-projek perumahan terbengkalai dikesan pada sekitar tahun 1983, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil berbagai daya usaha untuk memulihkan projek-projek terbengkalai. Di samping itu pihak Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah pencegahan yang lebih ketat melalui Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bilangan projek perumahan yang terbengkalai yang dikesan setakat bulan Disember 1993 adalah sebanyak 434 projek. Dari jumlah tersebut, sebanyak 216 projek telah berjaya dipulihkan. Dan sebanyak 33 sedang dalam peringkat pembinaan. Bagi baki selebihnya, sebanyak 124 projek didapati tidak sesuai dipulihkan disebabkan oleh kekurangan atau ketiadaan pembeli dan sebagainya. Dengan itu jumlah sebenar yang masih terbengkalai dan memerlukan tindakan adalah sebanyak 61 projek sahaja.

Bilangan projek-projek terbengkalai di masa hadapan dijangka akan terus berkurangan terutamanya apabila projek-projek perumahan yang telah mendapat bantuan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai dapat disiapkan kelak.

- (b) Sebab utama mengapa **Sijil Kelayakan Menduduki** tidak dapat dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada pemaju ialah kerana pemaju tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sewaktu kelulusan pelan diberikan. Ada juga pemaju-pemaju yang telah melakukan perubahan-perubahan kepada pelan bangunan daripada apa yang telah diluluskan. Oleh itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meminta Pihak Berkuasa Tempatan menasihatkan pemaju-pemaju memastikan supaya semua syarat-syarat yang ditetapkan dipatuhi bagi mengelakkan kelewatan dalam pengeluaran **Sijil Kelayakan Menduduki**. Sekiranya hanya terdapat penyimpangan kecil dari syarat-syarat yang dikenakan, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengeluarkan **Sijil Kelayakan Menduduki Sementara** sebagaimana termaktub di bawah Perkara 26(1) dan (2) di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masih terdapat 124 projek perumahan yang masih lagi terbengkalai. Dan saya difahamkan bagi kakitangan Kerajaan, pihak Kerajaan telah pun mensyaratkan ataupun telah mengarahkan supaya pemotongan gaji kakitangan Kerajaan ditangguhkan bagi mereka yang terlibat dengan projek terbengkalai ini.

Jadi, soalan saya apakah pihak Kementerian juga akan mengarahkan bank-bank swasta untuk bertindak sama seperti mana tindakan yang diambil terhadap pegawai-pegawai Kerajaan supaya menanggukkan sebarang pemotongan ataupun sebarang tindakan dan mereka ini tidak dikenakan sebarang faedah?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kita memang telah memohon jasa baik pihak institusi kewangan untuk membantu bukan sahaja kakitangan Kerajaan tetapi juga orang ramai yang telah terlibat di dalam projek-projek perumahan terbengkalai agar mana-mana projek yang belum lagi disiapkan, bayaran tidak seharusnya dikenakan kepada mereka di samping juga meminta jasa baik mereka supaya faedah yang terkumpul selama ini dapat ditanggukkan sehingga projek perumahan terbengkalai tadi dapat dipulihkan bagi meringankan bebanan mereka yang terlibat di dalam projek terbengkalai tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 52 akan dimasukkan dalam naskhah ber-cetak kelak]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelapan." [9hb Mei, 1994]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, sila sambung ucapan.

3.35 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyatakan bahawa peristiwa pilihanraya di Sabah menjadi satu pengajaran kepada parti-parti politik dan Kerajaan yang mernerintah di negeri-negeri supaya kita mesti sentiasa sensitif dan peka kepada pantang larang dan juga kepercayaan kaum-kaum yang ada di negara kita ini.

Oleh hal yang demikian, disabitkan oleh kerana kurangnya sensitif Yang Berhormat Datuk Pairin apabila dia memanggil pilihanraya di waktu dan ketika orang Cina sedang menyambut hari besar mereka, ini telah menyebabkan ramai di kalangan masyarakat Cina tidak merasa puas hati terhadap tindakan Datuk Pairin itu.

Begitulah juga memanggil pilihanraya kecil di waktu dan ketika umat-umat Islam sedang menjalankan ibadat puasa di bulan Ramadhan, itu jelas menunjukkan satu ketidakprihatinan seorang pemimpin terhadap pantang larang dan kepercayaan masyarakat yang ada di dalam negara kita **ini**. Maka jelas di situ kita lihat apabila masyarakat Cina dan Melayu Islam bumiputera tidak menyokong beliau, maka akhirnya Kerajaan PBS yang telah memerintah negeri Sabah selama sembilan tahun telah ditumbangkan dalam bulan Februari yang lepas.

Jadi, pengajaran ini harus diambil kira oleh mana-mana parti yang memerintah khususnya saya ingin menyebut iaitu Kerajaan di negeri Kelantan dalam apa juga yang kita lakukan, kita tidak seharusnya hanya mengambil kira tentang kepentingan satu masyarakat sahaja. Kita dengar bahawa di Kelantan berbagai-bagai perkara yang hendak dilakukan semata-mata di atas kehendak satu kaum yang ada di negeri Kelantan sahaja.

Saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan bahawa ini tidak boleh dilakukan. Kita masih ingat bahawa di negara Sri Lanka pada hari **ini**, 852 adalah terdiri daripada orang Sinhala yang beragama Buddha, memikirkan bahawa oleh kerana mereka merupakan kaum majoriti di negara Sri Lanka **itu**, maka dia bebas untuk membuat apa

sahaja bagi menekan kaum minoriti 15% orang Hindu Tamil. Sehingga pada hari ini kita tengok keadaan negara Sri Lanka yang dahulunya begitu aman damai dan lebih maju daripada negara Malaysia, hari ini menjadi kucar-kacir disabitkan oleh kerana pemimpin-pemimpin yang memerintah tidak mengambil berat dan tidak sensitif dan peka terhadap pantang larang dan kepercayaan masyarakat yang duduk dalam negara itu.

Jadi, Kerajaan Negeri Kelantan harus peka dalam hal ini, jangan fikirkan babawa mandat yang diberikan oleh rakyat untuk memerintah ini membolehkan mereka untuk membuat apa sahaja mereka suka terhadap masyarakat minoriti.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kerajaan Kelantan di atas kurang sensitifnya Kerajaan ini terhadap pandangan orang ramai terutama dalam soal tidak memberikan kontrak kepada Kerajaan British. Kita tahu bahawa pada bulan Februari, satu penghinaan telah dilakukan oleh sebuah akhbar terhadap pemimpin kita, Perdana Menteri Malaysia kita di mana keputusan daripada pihak Kabinet telah memutuskan supaya kita tidak memberikan apa-apa bentuk kontrak yang baru kepada mana-mana syarikat yang datang daripada United Kingdom.

Saya merasa terkejut dan turut merasa terhina disabitkan oleh kerana keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk memberikan penswastan sistem perairan kepada sebuah syarikat British. Ini telah berlaku dua bulan selepas satu keputusan Kabinet telah dibuat di mana kita tidak akan memberikan kontrak baru kepada syarikat-syarikat British. Walaupun alasan daripada Kerajaan Kelantan mengatakan bahawa perkara ini telah pun berlaku sebelum keputusan Kabinet itu dibuat, tetapi saya difahamkan kontrak itu diberi selepas, sebelum ini hanya membuat kajian sahaja.

Dari segi peringkat nasional, Kerajaan Malaysia juga ada mengizinkan kepada syarikat British untuk membuat kajian tertentu terhadap sesuatu projek yang hendak dilakukan oleh Kerajaan kita seperti projek Kuala Lumpur International Airport, kita telah melantik Konsortium, Anglo-Japanese Consortium, untuk melihat dan mengkaji tentang projek KLIA. Tetapi akhirnya apabila keputusan Kabinet tidak bersetuju untuk memberikan kontrak baru kepada United Kingdom, maka walaupun kajian telah dibuat oleh syarikat Inggeris, syarikat United Kingdom, tetapi kontrak tidak diberi. Jadi, kalau alasan Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu kajian telah dibuat oleh syarikat British, maka mereka terpaksa selepas itu untuk memberikan kontrak ini kepada syarikat British, maka saya percaya ini adalah meleset.

Jadi, dalam hal **ini**, inilah masalahnya. Dalam soal yang memerlukan kepada apa yang dikatakan untuk kita bersama-sama menunjukkan bahawa kita bersatu hati dan kita mengenyepikan soal-soal politik kita untuk menegakkan maruah negara kita, tetapi Kerajaan PAS di Kelantan yang disokong oleh Parti Scmangat 46 tidak langsung mengambilkira tentang maruah negara kita. Macam mana, saya hendak tanya, ada keikhlasan untuk kita bekerjasama di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Pusat, kalau satu perkara yang begitu penting yang ada kaitan dengan maruah negara kita, kalau sekalipun Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad itu bukan orang Kelantan, bukan orang PAS, bukan orang S.46, tetapi dia adalah seorang Perdana Menteri Malaysia yang diterima oleh majoriti besar rakyat di tanahair kita yang telah memilih beliau untuk menjadi Perdana

Menteri. Walaupun segelintir daripada orang Kelantan tak sokong Dr. Mahathir, tetapi hakikatnya Dr. Mahathir Mohamad ialah Perdana Menteri Malaysia, dan ini soal negara, soal maruah negara Malaysia kita. Tetapi tidak - Kerajaan Negeri Kelantan memilih untuk menunjukkan keangkuhan mereka, mereka tidak mahu dengar apa yang diputuskan oleh Kerajaan Pusat, maka terus dengan begitu angkuh dan sombong, memberikan kontrak ini kepada Kerajaan British.

Saya hendak ingatkan kepada Kerajaan Kelantan bahawa memang benar di peringkat Negeri, mereka boleh kalau mereka hendak buat; kalau mereka tak mahu ikut apa yang telah diputuskan oleh Kerajaan Pusat. Tetapi mereka kena ingat, Engineer yang hendak datang ke negeri Kelantan nanti, ia terpaksa melalui Imigresen. Imigresen ini adalah di bawah naungan ataupun di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat.

Saya hendak mendesak kepada Kerajaan Pusat supaya kalau ada permintaan daripada mana-mana syarikat British yang akan menjalankan penswastan air di negeri Kelantan, yang memerlukan mereka ini diberikan work permit ataupun visa untuk mereka datang ke negara Malaysia untuk pergi ke Kelantan, saya minta Kerajaan Pusat supaya peka dalam hal ini, jangan berikan 'working permit' ini kepada orang-orang yang terlibat dengan penswastan air di negeri Kelantan. Sebab kalau mereka tidak menunjukkan keikhlasan, mereka hendak menunjukkan bahawa mereka ada kuku dan kuasa di negeri Kelantan, maka kita juga di peringkat Pusat harus juga beritahu kepada mereka bahawa ada perkara-perkara yang tertentu yang mereka perlukan kebenaran daripada Kerajaan Pusat. Kalau mereka tidak mahu bersikap ikhlas dengan Kerajaan Pusat, maka tidak ada sebab mengapa Kerajaan Pusat harus ikhlas terhadap mereka.

Jadi, saya hendak cadangkan kepada Kerajaan Pusat dalam hal penswastan air di negeri Kelantan ini, kawal betul-betul dan pastikan kalau sekiranya ada permohonan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan penswastan ini, jangan diberikan keizinan untuk mereka membuat perkara **ini**, itu sahaja. Kalau dia buat pada kita, dia kata dia adil - ini memang patut, kita sahaja yang kena. Ini sudah tiba masanya kita tunjuk kepada dia bahawa kita mempunyai kuasa kita.

Sebab itu saya sokong kalau sekiranya Kementerian Kewangan dan Kerajaan Pusat tidak memberikan bantuan yang sepatutnya tidak diperlukan ataupun tidak dikenakan oleh Perlembagaan kita untuk diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, jangan beri! Sebab hari **ini**, apa juga yang kita tolong kepada **dia**, langsung tidak ada perasaan kesyukuran dan berterima kasih. Dia fikir dia boleh minta apa sahaja daripada kita, kemudian bila dia dapat daripada kita, dia buat terhadap kita tanpa mengambil kira perasaan kita.

Sebab **itu**, Kementerian Kewangan, saya ingin mengatakan di **sini** bahawa saya menyokong supaya tidak diberikan bantuan yang tidak disyarat dan dikenakan oleh Perlembagaan kita - kalau tidak dikenakan oleh Perlembagaan untuk diberikan bantuan **ini**, jangan kita berikan bantuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Kita harus mengambil kira negeri-negeri yang menyokong kita. Saya hendak pastikan di **sini** supaya kita tolong Sabah, sebab Sabah pada hari ini telah jelas menunjukkan bahawa mereka mahu kerjasama dengan Kerajaan Pusat - kita harus tolong **dia**. Saya sudah pun arah Pengerusi MARA supaya melawat Sabah secepat mungkin - 22hb sampai 26hb Mei ini,

Pengerusi MARA akan melawat ke Sabah. Di sana kita akan mengumumkan beberapa projek-projek yang hendak kita lakukan di Sabah. Sabah mesti ditolong. Sebab hari **ini**, saya hendak kata '**the ball is in our court**', dengan izin. Kita turuti ke Sabah baru-baru **ini**, kita kempen, kita kata kalau sokong kita, kita akan bantu Sabah. Sebab itu sekarang ini semua agensi Kerajaan Pusat akan turun ke Sabah untuk menunjukkan bahawa kita akan kota apa yang telah kita janji. Sebab **itu**, segala wang yang hendak kita hantarkan, hantar kepada Sabah, jangan hantar ke negeri Kelantan.

Negeri Kelantan tidak menunjukkan keikhlasan untuk bekerjasama dengan kita. Malah dia menunjukkan keangkuhan dia lagi dengan terang-terang, walaupun kita ada dasar untuk tidak memberikan kontrak baru kepada syarikat British, tetapi dia tanpa mengambil kira perasaan kita dan juga kepentingan negara, maka dia terus memberikan projek ini kepada sebuah syarikat **British**, maka oleh kerana **itu**, tidak ada kerjasama lagi di antara kita dengan **dia**. Jadi, saya tidak mahu tengok - saya minta dalam Dewan ini tidak mahu lagi tengok ada kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang sama, saya ingin mengatakan bahawa apa yang dikatakan '**State Civil Service**' yang sekarang ini 'diamalkan di negeri Kelantan, Kedah, Johor - inilah tiga negeri di Semenanjung. Saya rasa '**State Civil Service**' ini tidak perlu lagi kita teruskan, sebab kita sebuah '**Federation**', sebuah Persekutuan, mengapa harus kita ada '**State Civil Service**'. Bila ada '**State Civil Service**' inilah masalahnya kita hadapi kalau sekiranya sebuah negeri itu diperintah oleh sebuah parti Pembangkang.

Kita tengok macam mana di negeri Kelantan, pegawai Kerajaan di negeri Kelantan telah tidak memberikan kerjasama dengan Kerajaan Pusat. Saya percaya kalaulah pegawai-pegawai Kerajaan di negeri Kelantan itu adalah Malayan Civil Service, dan bukan Kelantan State Civil Service. Saya rasa kita tidak ada masalah untuk melaksanakan dasat-dasar yang telah kita putuskan untuk rakyat kita. Tetapi pada hari ini, apa yang diputuskan oleh Kerajaan-Pusat untuk dilaksanakan supaya dapat sampai ke peringkat bawah, maka di negeri Kelantan tidak dilaksanakan, kerana Kelantan Civil Service tidak tertakluk kepada Malayan Civil Service.

Saya rasa 'State Civil Service' ini merupakan satu perkara warisan yang lama yang tidak boleh dipakai lagi. Sebab apa perlu kita ada 'State Civil Service', kalau Kelantan, Kedah dan Johor adalah merupakan negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia kita. Mengapa negeri-negeri ini harus diberikan keistimewaan untuk mengadakan 'Civil Service'nya sendiri. Dengan kewujudan 'State Civil Service' ini, ia tidak adil. Orang Kedah, orang Kelantan, orang Johor ada pilihan sama ada untuk menjadi pegawai Kerajaan di peringkat Pusat ataupun menjadi pegawai Kerajaan di negeri masing-masing.

Mengapa orang Perak tidak boleh bekerja sebagai seorang Civil Service di negeri Kelantan ataupun Kedah dan Johor, walhal orang Kedah, Johor dan juga di Kelantan,. kalau mereka membuat pilihan untuk masuk Malayan Civil Service, dia boleh bekerja di negeri Perak dan di negeri-negeri lain. Bermakna bahawa dengan adanya 'State Civil Service' Kelantan, Kedah.daa juga di Johor, ini akan menambahkan lagi perasaan kedaerahan yang telah wujud di kalangan orang-orang ini.

Di Kedah, State Civil Service semua orang Kedah, di Johor semua orang Johor, di Kelantan semua orang Kelantan. Jadi, kalau orang luar hendak bekerja di State Civil Service ini tidak boleh sebab dia bukan anak Kelantan, dia bukan anak Kedah dan dia bukan anak Johor. State Civil Service mesti dibubarkan apatah lagi kalau di kalangan orang luar daripada Kedah, orang luar daripada Kelantan dan Johor tidak boleh bekerja di State Civil Service, jangan mimpilah State Civil Service ini akan dibuka kepada orang bukan Melayu lagi.

Saya tidak percaya kepada suatu sistem yang mana kita menegenipkan sebahagian masyarakat daripada memberi sumbangan khidmat kepada State Civil Service. Saya rasa State Civil Service ini harus dibuka kepada semua, bukan sahaja dibuka kepada seluruh rakyat Malaysia daripada negeri-negeri lain, tetapi juga mengikut kuota hendaklah juga dibuka kepada orang yang bukan Melayu.

Suatu Civil Service di mana 1001 terdiri daripada satu masyarakat, satu kaum, ini tidak akan menguntungkan kita. Orang kata, tidak ada 'drive', tidak ada idea-idea baru untuk membangunkan negeri itu, sebab dia seolah-olah duduk di bawah, apa yang dikatakan sebagai "duduk di bawah tempurung". Kalau dia orang Kedah, dia balik kerja sebagai Kedah State Civil Service, dia akan hanya memikirkan untuk Kedah sahaja, kedaerahannya akan tebal.

Begitu juga di Kelantan, di Johor dan sudah tentulah kalau ada arahan daripada peringkat Pusat untuk diturunkan bagi melaksanakan dasar-dasar kita di peringkat negeri, State Civil Service ini tahu bahawa kedudukannya tidak akan ditentukan oleh Chief Secretary, maka dia tidak akan melaksanakan segala dasar yang telah diturunkan oleh Kerajaan Pusat.

Sebab itu, saya rasa sudah tiba masanya setelah lebih daripada 30 tahun merdeka - Kedah State Civil Service, Kelantan State Civil Service, Johor State Civil Service - ini mesti dibubar. Negara kita sudah merdeka, dan tidak perlu kita ada lagi State Civil Service ini. Dia tidak mendatangkan keuntungan kepada apa yang dikatakan perpaduan negara Malaysia itu sendiri, dia akan tebal dengan semangat kedaerahannya, semangat kenegeriannya dan dia tidak akan mengendahkan atau mempedulikan apa-apa arahan yang datang dari Kuala Lumpur.

Sebab itu masanya sudah tiba, dalam usaha kita pada hari **ini**, yang mana kita tahu bahawa di Dewan Rakyat kita akan meminda Perlembagaan, maka saya ingin mencadangkan di **sini**, bahawa sudah sampai masanya kita fikirkan juga untuk kita membubarkan State Civil Service. Saya rasa ini bukan satu masalah yang besar, sebab, kalaulah sesuatu perkara itu kepunyaan negeri **itu**, sebagai contoh kita tengok tentera yang dipunyai oleh Sultan Johor, itupun juga kita sudah boleh bubarkan dan batalkan - suatu perkara yang begitu unik kepada sesebuah negeri itu, itupun juga kita boleh buat. Jadi, apa dia State Civil Service ini? Saya lebih memikirkan dan mirip kepada satu State Civil Service di peringkat Kebangsaan - Malaysian Civil Service, bukan State Civil Service.

Maka di dalam Dewan **ini**, saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk memikirkan dan memulakan satu usaha untuk mengakhirkan State Civil Service yang ada di negeri Kelantan, Kedah dan juga di negeri Johor supaya sistem Malayan Civil Service. ini akan dilaksanakan di seluruh Persekutuan yang ada pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan apa yang telah berlaku sejak beberapa lama dahulu. Saya telah diberikan satu majalah, kalau tidak silap saya **Far Eastern Economic Review** di mana dalam majalah itu telah ditulis tentang satu rencana yang mana dikatakan seolah-olah hubungan di antara Perdana Menteri Malaysia kita dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia kita adalah begitu sejuk dan seolah-olah ada sesuatu berlaku di antara kedua-dua pemimpin yang kita kasihi **ini**. Kita tahu bahawa penulis itu bebas bergerak di negara kita, malah semalam pun semasa saya berada di Dewan Rakyat, saya tengok dia bebas bergerak dan tidak ada halangan langsung. Bebas bergerak, bergaul dan bercakap dengan Ahli-ahli Parlimen kita dan orang inilah yang menulis rencana dalam **Far Eastern Economic Review** yang seolah-olah ingin menyatakan ada pertelingkahan di antara pucuk pimpinan kita yang nombor satu dengan nombor dua.

Tuan Yang di-Pertua, kita bukan, dengan izin, against "freedom of press", tetapi apa yang kita tentang ialah "freedom to **lie**". Apa yang ada di dalam rencana **Far Eastern Economic Review** ini adalah satu usaha subversif sebagai percubaan untuk "to destabilise" Kerajaan yang stabil, yang ada di negara kita pada hari **ini**. Dan orang ini selalu bergerak bebas, dia bercampur dengan kita, bergaul dengan Wakil Rakyat, dengan pegawai Kerajaan dan dengan rakyat Malaysia yang ada di Parlimen ini - dia bebas bergaul dan bercakap dan di sini dia mengambil tiap-tiap perkataan yang disebut oleh kita, ditulis, dicatat dan dia akan menulis di dalam **Far Eastern Economic Review**.

Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Pusat, kalau Kerajaan Pusat begitu tegas sekali mengambil tindakan terhadap British Press, khususnya kepada Andrew Neil daripada The Times, - kalau sekiranya kita mengambil tindakan tegas terhadap seorang journalist daripada Britian, mengapa kita tidak ambil tindakan tegas terhadap seorang penulis yang ada di kalangan kita ini? Dia bebas bergerak dan dia yang menulis rencana ini.

Kita menarik perhatian Kerajaan kerana ini adalah merupakan satu usaha subversif. Kalau persatuan-persatuan yang ada di Malaysia ini melakukan satu perkara yang dianggap subversif, maka kita sudah panggil dia. Tetapi yang ini, walaupun perbuatan itu jelas merupakan satu perbuatan subversif, tetapi saya tengok Kerajaan kita langsung tidak ada panggil dia dan tanya kepada dia mengapa dia tulis macam ini. Malah apa yang berlaku, saya tengok dia bebas bergerak dalam Dewan Parlimen ini.

Saya tidak senang melihat kebebasan yang ada pada dia untuk bergerak di kalangan kita. Saya tahu dia ini seorang yang tidak jujur dan tidak ikhlas. Kita bukan anti-journalism, tetapi kita anti-journalism yang menggalak kepada satu journalism yang bebas untuk berbohong dan menipu. Sebab itu saya minta kepada Kerajaan Pusat, ekoran daripada rencana yang ada di keluarkan di dalam Far Eastern Economic Review saya minta supaya Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Menterinya Yang Berhormat Dato' Megat Junid untuk mengambil tindakan terhadap penulis rencana daripada Far Eastern Economic Reveiw ini, panggil dia, hantar show cause letter, tanya kepada dia mengapa dia membuat penulisan yang sedemikian rupa.

Sebab apa yang dilakukan oleh dia ini adalah subversif. Dia cuba to undermine the stability of the country, dengan izin. Tidak ada masalah, dia hendak create masalah, seolah-olah dia pula menjadi ejen kepada Pembangkang dan tanah air kita ini. Menulis rencana yang langsung tidak ada asas sekalipun. Menyebut sesuatu pandangan yang tidak mempunyai asas. Mengapa tidak tanya kepada Wakil-wakil Rakyat kita dan Ahli-ahli Dewan Negara, tetapi yang dia tanya ialah orang-orang yang tidak ada langsung pengaruh di dalam negara kita **ini**. Macam bertanya kepada orang di tepi jalan "What do you think of our Prime Minister", orang tepi jalan itu kata "I think he is lousy" - ini yang ditulis di dalam rencana. Bolehkah kita hendak ambil kira pandangan daripada orang yang tidak ada pengaruh dan tidak ada kedudukan untuk memberi pandangan yang sedemikian rupa?

Kalau hendak tahu tentang kedudukan Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tanyalah Ahli Dewan Negara kita, apakah wujud perselisihan faham. Ini tanya orang yang tidak ada kena-mengena, yang tidak berkedudukan, tidak ada pengaruh dan jawapan daripada orang seperti ini dimasukkan sebagai satu perkara yang benar-benar berlaku dan ianya menggugat kedudukan di antara Perdana Menteri kita dengan Timbalan Perdana Menteri kita sehingganya Perdana Menteri terpaksa membuat kenyataan akhbar menyatakan bahawa jangan dengar cakap-cakap yang mengatakan seolah-olah ada pertelingkahan di antara dia dengan orang nombor dua.

Saya hendak tanya apa fasal dia ada lagi di sini? Sebab itu saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri mengambil tindakan terhadap orang **ini**. Saya tidak mahu sebut nama dia sebab nanti dia ingat dia popular sangat, sampai namanya disebut di dalam Dewan ini. Kita tahu siapa dia. Ambil tindakan terhadap dia. Jangan panjangkan 'working permit' **dia**. Suruh dia keluar. Ini negara kita. Fasal apa kita hendak takut? Kalau orang itu buat terhadap kita, kita takut hendak mengambil tindakan ke atas **dia**, fasal apa? Saya mahu Kerajaan Pusat mengambil tindakan terhadap penulis ini. Suruh dia keluar dari negara kita dan kalau **Far Eastern Economic Review** mahu ada wakil dalam negara kita **ini**, maka cari wakil yang benar-benar membuat penulisan yang tidak menipu dan membohong. Ini yang kita minta kepada Kerajaan kita.

Bercakap tentang Kementerian Dalam Negeri ini, saya pun tidak faham apa kedudukan sebenarnya dengan Al-Arqam ini. Saya difahamkan, Al-Arqam adalah satu pertubuhan yang tidak berdaftar. Apabila tidak berdaftar, maka Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadapnya. Apa cerita ini? Jadi, kalau begitu, orang sudah tahu. Lain kali kalau hendak hentam Kerajaan, jangan daftar persatuan. Persatuan itu biar 'loose' sahaja, jangan daftar sebab bila tidak daftar Kerajaan tidak boleh ambil tindakan.

Saya rasa ini satu alasan yang tidak logik. Ada pula beritahu kepada saya bahawa ia telah diharamkan tetapi 'economic activities' dia boleh dijalankan. Okay, no problem. Apa alasan ini? Saya hendak tanya, dahulu masa kita haramkan komunis, mengapa tidak

benarkan aktiviti yang tidak ada kaitan dengan 'political activities' dia? Mengapa kita haramkan komunis 100%? Tetapi bila tentang Al-Arqam ini pula, Al-Arqam sebagai fahaman agama kita 'banned' tetapi 'economic activities' dia boleh berjalan. Keputusan apa yang diambil oleh pihak Kementerian, saya tidak faham! Saya faham, kalau satu pandangan ataupun pemikiran itu adalah merbahaya kepada negara dan juga agama kita, kita 'banned' **dia!** Komunis sebagai contoh, bukan sahaja kita 'banned' dia punya 'political activities' tetapi tidak ada komunis pun dalam negara kita **ini**. Kalau ada, kita tangkap dia. Begitu juga dengan Qadianni. Bila soal Qadianni bukan sahaja kita 'banned' pertubuhannya tetapi orang Qadianni pun kita ambil tindakan terhadap mereka. Ini Al-Arqam kita tidak ambil tindakan.

Saya hendak cerita kepada Dewan Negara **ini**. Orang Al-Arqam kata pada hari ini, memberitahu bahawa helikopter yang sepatutnya membawa Timbalan Perdana Menteri kita dari Kangar ke Butterworth yang terhempas tidak berapa lama dahulu, orang Al-Arqam kata memang Perdana Menteri sengaja merancangkan supaya helikopter itu akan jatuh kerana hendak bunuh Timbalan Perdana Menteri. Ini orang Al-Arqam cakap kononnya dapat "Abuya". Dia panggil apa? "Abuya"kah? Pada saya "Buaya". Bukan "Abuya" tetapi "A-buaya" sebenarnya. Kononnya Abuya Ashaari yang sekarang senang duduk di Phuket, saya pun tidak tahu fasal apa dia pilih Phuket untuk menjadi ibu pejabatnya, yang duduk senang-lenang sekarang di Phuket, kononnya mendapat suatu mimpi/firasat, tidak tahu benda apalah, yang

mengatakan bahawa apa yang berlaku terhadap helikopter yang sepatutnya membawa Timbalan Perdana Menteri kita dari Kangar ke Butterworth telah sengaja dirancangkan. oleh Perdana Menteri kita supaya helikopter itu terhempas dan Timbalan Perdana Menteri yang ada di dalam itu akan turut terkorban. Ini yang disebut oleh Al-Arqam. Al-Arqam ini samalah macam penulis rencana dalam **Far Eastern Economic Review ini**. Cuba hendak destabilised, dengan izin, suasana stabil yang ada dalam negara kita pada hari **ini**.

Dia cakap sahaja bahawa dia sokong Dr. Mahathir. Dia tidak ada 'political ambition'. Tetapi kita tahu "buaya" **ini**, minta maaf - "Abuya", bolehkah panggil dia "Abuya"? Haji Ashaari ini, dia sebenarnya mimpi hendak jadi Perdana Menteri. Ya, saya diberikan oleh konco-konco dia satu majalah yang mana dalam majalah itu kononnya ada satu hadis atau apa, saya pun tidak faham, yang menuliskan bahawa "Sinaran syiar Islam akan bangkit" di sebelah negeri Jawi" - negara kitalah, Indonesiakah, Malaysiakah ataupun Bruneikah.

Jadi, sinaran Islam itu akan bangun dan akan lahir- seorang pemimpin yang akan menyinarakan syiar Islam di dunia. Pada orang Al-Arqam - "Abuya" inilah. Tetapi Abuya ini kalau hendak jadi Perdana Menteri, masuklah politik. Tidak siapa larang pun tetapi dia tidak mahu bertanding dalam pilihanraya. Dia tidak mahu melibatkan diri dalam politik. Dia kata dia tidak ada 'political ambition' tetapi kita tahu dia gila hendak menjadi Perdana Menteri Malaysia pada satu hari nanti.

Di waktu dan ketika Iraq telah melanda Kuwait, Al-Arqam telah menaja Ashaari sebagai orang yang boleh menyelesaikan masalah di antara Iraq dan Kuwait. Pada hari **ini**, kita difahamkan bahawa bandingan Ashaari itu ialah dengan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir sedemikian, Ashaari sedemikian.

Jadi, sebenarnya apa yang saya hendak sebutkan di **sini**, dia melakukan perkara subversif kerana dia mempunyai 'political ambition' suatu hari nanti untuk menawan negara kita **ini**. Sebab itu dia bahaya. Kalau dia hendak masuk dalam proses demokrasi, tidak ada masalah - no problem. Kalau hendak jadi Perdana Menteri - boleh. Kalau tengok UMNO kuat, boleh bertanding apa-apa jawatan pun. Naib Presidenkah, Timbalan Presidenkah, masuklah menerusi proses yang betul tetapi bukan dengan cara subversif.

Apa yang Al-Arqam buat pada hari ini ialah imtuk men'destabilised'kan, dengan izin, suasana stabil yang wujud di antara Perdana Menteri kita dengan Timbalan Perdana Menteri untuk mendatangkan pemikiran syak-wasangka di kalangan pucuk pimpinan kita, di antara satu sama lain. Orang ini tidak percaya orang **itu**, orang itu tidak percaya pada orang ini. Akhirnya akan berlakulah apa yang dikatakan kekecohan dan di waktu dan ketika itu, dia mengharapkan supaya dia masuk.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Kerajaan Pusat ambillah tindakan tegas terhadap Al-Arqam ini. Al-Arqam ini bahaya. Bahayanya lebih dari komunis sebab komunis langsung tidak

percaya pada Tuhan. Yang ini dia tipu kita, dia kata dia percaya tetapi dia hendak menyelewengkan akidah kita.

Sebab **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Kerajaan Pusat supaya dalam hal ini mengambil tindakan tegas. Apabila mengharamkan Al-Arqam itu, maksudnya haramkan pemikiran Al-Arqam **itu**. Bukan haramkan Al-Arqam sebagai satu 'political', sebagai satu organisasi tetapi 'economic activities' dia okay, no problem. Dia ada 'economic activities' yang bagus. Saya tidak faham **ini**. Fahaman saya, kalau kita haramkan **dia**, kita haramkan **dia**. Yang mana jika perlu, jika terpaksa ambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin tertinggi **dia**, kita kena ambil tindakan sebab ia akan merebak kalau sekiranya ia tidak dibendungkan aktivitinya, ia akan merebak dan akan mendatangkan masalah kepada kita.

Bayangkan budak-budak dari kecil lagi sudah dididik dan diajar dengan fahaman Al-Arqam ini. Dia tidak hantar budak-budak ini ke sekolah. Mana kita tahu apa yang berlaku di dalam kem-kem **dia**. Apa yang dididikkan dari kecil lagi? Kita tidak tahu. Sebab itu kita kena haramkan. Kita kena ambil tindakan tegas terhadap Al-Arqam ini. Dia bahaya. Sebagai contoh, kalau dia tahu saya bercakap dalam Dewan seperti **ini**, dia akan buat 'character assassination'. Baru ini saya pergi ke London, dia sudah melawat ke London ini. Pergi berjumpa dengan penuntut-penuntut, menceritakan tentang hal saya, macam-macam. Kerana apa? Sebab berani sebut tentang Al-Arqam di dalam Dewan. Itu sahaja.

Jadi, saya minta kepada pihak Kerajaan Pusat supaya ambil tindakan yang tegas. Bukan 'half-baked' ataupun satu tindakan yang teragak-agak dalam soal Al-Arqam **ini**. Kalau kita teragak-agak bermakna kita rasa dia itu betul. Pada saya macam mana the way we treated the Qadianni, dengan izin, begitu juga kita harus lakukan terhadap Al-Arqam **ini**. Tidak ada belas-ihsan dalam hal **ini**. Kalau akidah dia telah rosak dan kita yakin akidah dia telah rosak maka ia harus diharamkan. Bukan hanya sebagai satu organisasi tetapi sebagai satu pemikiran juga kita tidak boleh benarkan ia merebak di tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang juga saya ingin menyebut di sini ialah berkenaan dengan North-South Highway kita ini. Kita memang bangga, saya dengar iaitu dalam waktu dan ketika kita ada perayaan maka kita telah diberitahu bahawa perjalanan kita daripada Kuala Lumpur ke suatu tempat telah banyak dipendekkan jangka masanya. Memang benar dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah memikirkan untuk mengadakan North-South Highway ini.

Tetapi satu perkara yang hendak saya bangkitkan, saya ingin bertanya kepada pihak North-South Highway iaitu daripada Kuala Lumpur ke Utara, di manakah sebenarnya berakhirnya highway itu? Apakah highway itu berakhir di Bukit Kayu Hitam ataupun ada tempat-tempat di mana ia telah berakhir? The North-South Highway, dengan izin. Saya berkata demikian sebab walaupun kita sudah ada North-South Highway daripada Kuala Lumpur ke Bukit Kayu Hitam, tetapi saya lihat apabila sampai ke bandar Ipoh, kita terpaksa keluar daripada highway, bayar tol baru masuk balik dekat highway di tepi bukit sebelum sampai di kampung - saya pun lupa nama tempat itu. Tetapi ia sebelum lorong. Jadi, saya hendak tanya, kalau ia North-South Highway, maknanya seharusnya perjalanan kita, kalau kita mempunyai perancangan untuk berjalan daripada Kuala Lumpur ke Bukit Kayu Hitam; maka perjalanan kita itu tidak seharusnya tergendala.

Tetapi apa yang berlaku pada hari ini, sesiapa sahaja yang datang dari Kuala Lumpur hendak pergi ke Pulau Pinang sebagai contoh; terpaksa keluar di Ipoh. Keluar di Ipoh kemudian "join" satu jalan, masuk balik daripada Ipoh baru boleh pergi ke Pulau Pinang. Ini

bermakna bahawa di waktu dan ketika perayaan, perjalanan kita juga akan tergendat. Kerana "queue" untuk membayar tol di Ipoh dan masuk balik untuk ambil tiket di.....Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi ingat kampung mana? Jelapang. Ya, di Jelapang kita keluar. Sampai Ipoh kita keluar kemudian ambil jalan yang sama, kemudian kita kena "queue" di Jelapang ambil tiket untuk meneruskan perjalanan kita ke Utara. Jadi, bermakna bahawa highway ini tergendat perjalanan kita. Suka tidak suka, orang kena keluar di Ipoh. Walhal dia tidak mahu pergi ke Ipoh. Dia hendak pergi ke Pulau Pinang sebagai contoh. Tetapi dia terpaksa keluar.

Jadi, saya mahu Jabatan Kerja Raya, atau Kementerian yang berkenaan untuk memikirkan supaya cara mana yang boleh kita lakukan supaya perjalanan kita tidak tergendat, di mana kita boleh meneruskan perjalanan kita tanpa kita keluar di Ipoh dan kemudian masuk balik di Jelapang. Kita mahu supaya kalau kita hendak pergi ke Alor Setar, maka perjalanan kita ini terus sampai ke Alor Setar.

Ada lagi satu tempat yang mana kita terpaksa keluar. Kalau tidak silap saya di Sungai Dua dekat Butterworth. Kita kena keluar kemudian masuk balik. Jadi, saya mahu bahawa kalau disebut highway ini adalah North-South Highway, ini bermakna bahawa perjalanan kita dari Kuala Lumpur sampai ke Bukit Kayu Hitam seharusnya tidak tergendat disabitkan oleh kerana kita terpaksa keluar daripada highway itu di sesuatu tempat untuk menyambung perjalanan kita, kemudian masuk di tempat yang lain pula.

Jadi, Kementerian harus memikirkan supaya ditutupkan tol di Ipoh bagi mereka yang mahu perjalanan mereka ke utara tidak perlu keluar lagi di Ipoh. Ini harus difikirkan untuk mengelakkan dari berlakunya "queue" bagi orang yang hendak pergi ke utara yang terpaksa keluar

membayar tol kemudian "queue" balik untuk mengambil tiket bagi meneruskan perjalanan, mereka ke utara.

Tuan Yang di-Pertua, itu North-South Highway. Saya juga ingin menyentuh berkenaan national airlines kita. Kita sekarang ada MAS, Malaysian Airlines System. Saya telah difahamkan bahawa kita juga mempunyai the second airlines. Apa yang mengejutkan saya apabila saya melihat tentang Malaysian Airlines ini, keuntungan yang dicapai oleh Malaysian Airlines ialah hasil daripada penjualan kapal terbang. Jadi, Malaysian Airlines ini saya hendak tanya, apa sebenarnya bentuk perniagaannya? Bentuk perniagaannya adalah sama ada service ataupun jual beli kapal terbang.

Saya agak terkejut apabila kita lihat kepada "annual accounts"nya yang mana ia ada extra-ordinary profits yang dibuat kerana menjual kapal terbang. Tetapi kalau di segi service profit, ia rugi. Ia untung kerana jual kapal terbang. I think, it is better for MAS to make up their mind whether they want to be in the business of selling aeroplanes or in the service industry, dengan izin. Masalahnya apa? Masalahnya banyak. Kurang cekap pengurusan dalam MAS itu sendiri.

Sebab itu saya menyokong usaha daripada Kerajaan Pusat khususnya Kabinet di mana Kabinet telah memutuskan supaya menjemput Malaysian Helicopters Industries (MHI) untuk mengambil alih saham di dalam MAS ini supaya pengurusan itu ditukar kepada satu pengurusan yang lebih dinamik. MAS saya tidak faham. Beli kapal terbang banyak, tersadai di Subang Airport. Ada yang tidak berjalan, cuma parking sahaja.

Apa yang lebih mengejutkan saya apabila saya mengumumkan iaitu bahawa MARA akan memberikan pembiayaan -pinjaman Commercial Pilot License (CPL) untuk dibukakan kepada 30 penuntut pada tiap-tiap

tahun, raaka ada wakil MAS menulis surat kepada saya yang mengatakan bahawa ini tidak perlu dilakukan kerana MAS telah cukup pilot. Ada surat. Saya tidak faham rasionalnya. Saya difahamkan bahawa ada lebih 200 expatriate yang diambil menjadi pilot bekerja di MAS. Tetapi ada wakil MAS tulis surat kepada saya tidak perlu kita train local pilot kerana kita telah mencukupi pilot.

Apakah kalau kita cukup, buat apa kita pergi ambil pilot daripada Australia, daripada India dan macam-macam negara lagi yang saya tengok, yang kadang-kadang bawa kapal terbang macam bawa fighter jet. Bila dia "landing", dia "bounce" empat lima kali. Orang macam ini yang kita ambil untuk menjadi pekerja kita, macam mana dengan pilots orang Malaysia yang tidak ada kerja sekarang ini. Macam mana dia boleh tulis surat kepada saya mengatakan bahawa pilot telah cukup, MAS tidak mahu ambil lagi. Walhal kita tahu MAS ambil 200 lebih expatriate pilot untuk menjadi pilot di MAS.

Sebab itu saya rasa dukacita di sini, pada pandangan saya dengan adanya MAS, dengan adanya second airlines, kita memerlukan lebih ramai lagi pilot di kalangan rakyat Malaysia kita ini dan kita harus melatih dengan lebih ramai lagi pilot supaya dalam industri yang sebegitu penting bagi negara kita, kita tidak boleh bergantung kepada pilot-pilot yang datang daripada luar negara yang mana kita tahu cara mereka itu adalah berbeza dengan cara kita.

Bayangkanlah kalau ada 200 orang pilot yang bukan datang daripada negara Malaysia. Yang datang daripada Australia, Englandkah atau mana-mana yang mana mereka ini biasa dengan sistem kalau sekiranya tuntutan gaji mereka tidak dapat, mereka akan strike. Maka masalahnya akan berlaku kepada kepada kita kalau 200 orang pilot boikot ataupun strike, maka kapal terbang kita tidak boleh terbang.

Sebab itu dasar MAS untuk mengambil pilot-pilot dari luar negara, kononnya untuk menampungkan kekurangan yang ada di sini, itu adalah tindakan yang tidak wajar. Saya minta kepada pengurusan yang baru yang akan mengambil alih, insya Allah, supaya apa yang telah diamalkan oleh pengurusan MAS yang lalu hendaklah diberhentikan. Saya ingin mencadangkan di sini supaya pengurusan-pengurusan MAS yang tidak cekap itu hendaklah dikeluarkan dengan secepat mungkin sebelum kita menghadapi masalah yang lebih besar lagi dalam kita mengendalikan National Flag Carrier - Malaysian Airline System kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan industri pembangunan (construction industry) di tanah air kita ini. "Construction industry" kita pada hari ini, kita tengok pembangunan berlaku begitu pesat di dalam negara kita pada hari ini. Kita tengok banyak bangunan, bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di mana-mana tempat juga kita pergi, kalau kita pergi ke Pulau Pinang, Langkawai atau ke mana tempat pun, kita tengok pembangunan itu begitu pesat membangun. Tetapi apa yang menyedihkan kita ialah di dalam industri 'construction' kita ini yang mendapat kerja banyak, yang tampil ke hadapan bekerja ialah orang-orang yang bukan datang dari Malaysia,

Kita harus ingat sebenarnya apa yang berlaku kepada kita pada hari **ini**, kita membelanjakan begitu lebih untuk membiayai penggajian kemahiran rakyat Indonesia dalam pembangunan negara kita. Kalau kita sebut 'construction', kalau kita tengok yang bekerja di tempat-tempat 'construction' ini, semua orang Indonesia dan mereka di peringkat awal datang ke negara kita bukannya "skilled workers". Dia bukan 'skilled worker'. Dia tidak tahu apa-apa pun tetapi dia datang bekerja, kita berikan dia gaji dan sebenarnya kita juga memberikan dia latihan kemahiran pengalaman untuk 'construction' yang dia tidak dapat di Indonesia, dia dapat di **sini**.

Bukan sahaja kita beri dia gaji lumayan malah kita memberikan latihan kemahiran kepada dia "at our expense". Kalau sekiranya bangunan itu tidak lengkap maka sebenarnya kita memberikan latihan kemahiran kepada orang-orang Indonesia ini "at our expense of the building", dengan **izin**. Sebab **itu**, kita menghadapi kerugian yang amat besar sekali kalau sekiranya dengan suasana yang ada pada hari ini di mana **bila** disebut "construction" sahaja, maka pekerja-pekerjanya adalah orang-orang Indonesia.

Sebab itu, saya minta kepada Kerajaan supaya memikirkan untuk kita mengadakan satu "construction school". Kita harus memberikan latihan kemahiran "construction" ini kepada warganegara kita yang saya **lihat** masih ramai yang duduk di kampung-kampung yang tidak bekerja. Sebab apa? Sebab dia rasa takut. Dia kata kalau hendak buat bangunan **ini**, dia tidak **biasa**, maka dia tidak mahu menyertai dalam bidang ini. Walhal sebenarnya yang mula-mula bekerja itu, dia sendiri pun tidak ada pengalaman.

Sebab itu, "the school of construction" harus diwujudkan di negara kita ini kerana pembangunan di dalam negara kita ini belum sampai kepada tahap yang sudah "matured". Dia belum sampai "saturation point" lagi. Lebih banyak Lagi bangunan yang akan dibangunkan dalam negara kita. Kita bukan macam di United Kingdom. Kita bukan macam di Amerika Syarikat yang mana tahap pembangunan itu sudah sampai pada satu tahap yang tidak boleh lagi membangunkan negara itu.

Malaysia ada banyak lagi pembangunan yang akan berlaku dalam negara kita. Sebab itu kita perlu tenaga-tenaga dalam bidang "construction". Ramai belia-belie kita yang tidak ada kerja memilih tidak mahu bekerja dalam bidang "construction" kerana dia takut. Sebab untuk membangunkan bangunan, dia tidak faham macam mana. Walhal seperti mana saya sebut sebentar tadi, "the Indonesian construction workers" di peringkat mula dia datang ke Malaysia untuk bekerja dengan kita, dia pun belum ada lagi 'knowledge' kemahiran dalam soal pembangunan. Dia bekerja sambil belajar, dapat gaji lagi, dia diberi latihan.

Sebab itu "construction school" ini mesti diwujudkan di dalam negara kita supaya kita dapat memberikan satu gambaran kepada belia-belie kita iaitu jangan takut dalam soal pembangunan **ini**. Kita juga boleh buat dan apabila kita ada sekolah, maka bila dia lulus daripada sekolah itu, maka dia boleh "command a bigger wage packet". Tidak berlaku macam hari **ini**, kita tengok di kalangan belia kita kalau sebut 'constuction workers', ini buruh kasar, tak mahulah. Sebenarnya, nama sahaja "buruh kasar" tetapi gaji tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kadangkala di "construction" itu, dia dibayar RM30 sehari sebab tidak ada orang hendak bekerja. Tidak ada orang hendak kerja, maka gajinya mahal. RM30 satu hari mahal itu. Kalau 10 hari, sudah RM300. Dia kerja satu bulan, dekat-dekat RM1,000. Ini memang lumayan. Tetapi orang kita ini, maklumlah belia Malaysia, apabila disebut "buruh kasar", dia tidak 'glamour'lah. Dia lebih suka menyanyi, itu 'glamour'lah. 'Acting' - ini penyakit juga antara belia-belia kita ini. Kalau kerja macam atas Menara (Tower) Kuala Lumpur, itu 'glamour' sebab duduk di atas, dia mahu kerja. Jadi, pemikiran ini yang harus kita tukar.

Sebab itu saya rasa untuk membantu supaya belia-belia kita memahami 'construction' ini bukan soal buruh kasar tetapi adalah satu kerja yang lumayan gajinya, maka saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan memikirkan untuk kita mengadakan apa yang dikatakan sekolah pembangunan, pembinaan atau "construction school" di mana kita akan memberikan latihan sambil bekerja kepada belia-belia kita supaya apabila mereka lulus daripada sekolah ini, mereka boleh "command a higher pay" dan apabila dia ada "higher pay", maka dia punya 'glamour' pun lebih sedikit. Sebab dia tidak akan lagi dipanggil 'buruh kasar' malah dia kata "aku adalah merupakan mahasiswa yang keluar daripada sekolah pembinaan."

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya kita memikirkan pentingnya kerana soal pembinaan di tanah air kita ini masih lagi banyak, nombor satu. Nombor dua, dengan izin, "we cannot depend on the Indonesian workers". Sebab kalau satu hari nanti, mereka ramai-ramai balik, susah kita. Ketiga, kalau dia tahu

orang Malaysia tidak mahu kerja, dia akan minta gaji yang lebih tinggi lagi. Kita dok ingat kalau ambil orang Indonesia, gajinya murah. Sebenarnya, tidak. Sebab orang tidak mahu bekerja, gaji mereka mahal dan mereka boleh tuntutan daripada kita. Akhirnya, "the cost of construction" akan naik tinggi, melambung dan kita yang akan menghadapi masalah. Jadi, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mewujudkan sebuah sekolah pembinaan untuk menggalakkan belia-belia kita mengambil bahagian dalam bidang pembangunan ini - the construction industry.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh hari dalam kenyataan akhbar mengatakan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri telah memberi amaran kepada Kerajaan Negeri supaya lebih bertanggungjawab dalam soal kos rumah rendah. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya menyokong apa yang telah dibangkitkan oleh Timbalan Perdana Menteri malah saya merasakan oleh kerana rumah kos rendah ini merupakan masalah kemiskinan, tanggungjawab untuk menyediakan rumah kos rendah tidak boleh diberikan kepada swasta.

Sebab kalau kita swastakan projek **ini**, orang swasta akan melihat daripada sudut pandangan, berapa keuntungan yang boleh diambil oleh mereka. Sebab **itu**, walaupun kita beri tiap-tiap rumah itu RM25.000, sebenarnya rumah itu harganya RM5,000 atau RM6,000 sahaja. Sebab dia curi, habis **ini**. Dia tipu dari segi mutu papan, simen dan macam-macam dan kita tidak boleh marah **dia**. Sebab kita kata "kita mahu you buat rumah harga RM25,000." Dan kita kata "kita swastakan kepada syarikat **ini**" dan sudah tentu syarikat **ini**, mana ada orang boleh bina rumah RM25,000 dalam suasana dan bentuk yang memuaskan?

Sebab rumah pada hari **ini**, RM25,000 tidak boleh buat - tidak boleh buat sekarang ini. Paling rendah saya difahamkan kalau flet itu pun dekat RM38,000. Jadi, kalau kita paksa kepada swasta untuk membina rumah RM25,000 apa yang dia akan dapat ialah reban ayam. Sebab, bancuh simen developer akan tipu. Dia akan tipu daripada segi bancuh simen. Dia akan tipu daripada segi papan atau **apa**. Kalau kita kata ambil papan yang baik, dia hantar papan yang untuk dibuat reban ayam dan macam-macam. Sebab itu kita tengok di kalangan orang-orang yang mendapat rumah kos rendah, kalau kita tengok kasihan. Macam-macam dia komplek, **tirislah**, bocor, apabila hujan habis jadi macam **tasik**.

Dalam hal ini sebab itu saya mengatakan bahawa tanggungjawab untuk rumah kos rendah tidak boleh diberikan kepada pihak swasta. Kita mesti mengibaratkan bahawa soal rumah kos rendah, soal menyediakan rumah, adalah soal dan tanggungjawab Kerajaan khususnya bagi ~~mereka~~ yang datang daripada kalangan orang-orang yang di tahap tidak mencukupi saraan hidupnya **tiap-tiap** bulan.

Sebab **itu**, kepada saya, apabila dikatakan bahawa dalam soal rumah kos rendah **ini**, kita hendak serahkan kepada swasta dan kita hendak swastakan projek-projek **ini**, saya rasa sudah sampai waktu dan ketikanya Kerajaan menarik balik dasar ini dan mengambil tanggungjawab penuh dalam soal rumah kos rendah. Sebab, tidak mungkin kalau kita menyerahkan masalah ini kepada swasta, kita akan mengatasi masalah ini - tidak mungkin. Kalau boleh dilakukan juga, sudah tentulah rumah itu akan merupakan rumah yang mutu dan nilainya begitu rendah dan dengan **izin**, not fit for habitation by human being.

Kita kena fikirilah. Maknanya, kalau kita belanja sedikit **pun**, beri subsidi rumah, katalah kita buat rumah itu RM35,000, kita jual kepada orang dengan harga RM25,000, apa salahnya. Duit rugi dalam hal lain pun banyak, berjuta-juta itu boleh rugi, takkan tidak boleh 'subsidize' RM10,000 kepada orang yang betul-betul memerlukan rumah. Jadi, saya minta kepada Kerajaan supaya dalam hal rumah kos rendah **ini**, janganlah lagi kita menswastakan pembinaannya. Malah apa yang saya gesakan di sini ialah supaya Kerajaan mengambil balik tanggungjawab untuk menyediakan rumah kepada rakyat yang memerlukan rumah. Oleh kerana itu, kalau perlu memberikan subsidi kepada orang-orang untuk mendapatkan rumah, maka memang patutlah kita beri kerana ini merupakan tanggungjawab kita kepada orang-orang yang tidak berkemampuan untuk mempunyai rumah-rumah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan soal lepak. Saya tengok bahawa budaya lepak ini semenjak ianya mula-mula dibangkitkan, kalau tidak silap saya oleh Dato' Haji Annuar Musa selaku Menteri Belia dan Sukan dulu membangkitkan masalah lepak di kalangan belia. Memang perkara lepak ini satu perkara yang asing kepada masyarakat kita. Kita tidak rela melihat belia-belia kita seperti mana yang telah disebut oleh Tuan K. Munisamy, kalau tidak silap saya, ataupun Dr. Toh Kin Woon, dia ada sebut semalam bahawa lepak ini berlaku di kalangan penuntut di antara umur 14 dengan 17 tahun. Waktu itulah dia suka lepak. Saya pun tidak tahu apa sebabnya mungkin ada sesuatu fenomena yang berlaku yang kita sendiri tidak tahu mengapa budak-budak berumur di antara 14 dengan 17 tahun ini suka lepak.

Saya rasa macam-macam yang telah dicadangkan untuk mengatasi masalah lepak ini. Tetapi saya rasa ada satu perkara yang harus kita lakukan untuk mengelak berlakunya, kalau boleh disebutlah, 'perlepakan' yang begitu berleluasa di kalangan masyarakat belia kita. Jadi, untuk mengatasi 'perlepakan' **ini**, kita tahu bahawa 'perlepakan' ini berlaku di waktu petang iaitu di antara pukul 4.00 petang sampai sebelum pukul 7.00 macam **itu**. Ini waktu di mana budak-budak, yang tidak pergi sekolah, ada masa 'free', ibu bapa dia bekerja maka waktu itulah dia merasa 'free' dan dia pergi lepak di tempat-tempat lepak.

Jadi, di sini saya rasa kalau boleh dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan, kita mesti perbetulkan kembali soal masa persekolahan. Saya tengok masa persekolahan di United Kingdom sebagai contoh. Dia masuk pukul 9.00 atau 8.30 pagi. Dia balik pukul 4.00 atau 4.30 petang. Satu hari dia di sekolah. Sebab itu di sana tidak ada orang lepak. Budak-budak penuntut pakai school uniform lepak - tidak **ada**. Sebab, waktu siang hari dia memenuhkan masanya dalam sekolah, daripada pukul 9.00 pagi sampai pukul 4.30 petang. Jadi, daripada pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang, dia ada di sekolah, dia tidak boleh keluar daripada sekolah. Sebab itu tidak ada 'students' di sana dengan school uniform melepak di kawasan-kawasan dan di tempat-tempat tertentu.

Jadi, di sini kalau kita boleh fikirkan banyak manfaat yang boleh dicapai oleh kita kalau kita tukar waktu persekolahan. Hari ini sekolah bermula kalau tidak silap saya pada pukul 7.15 pagi. Kalau di

Sabah atau di Sarawak tidak apalah, sudah cerah, terang sedikit. Tetapi kalau di Semenanjung, pukul 7.15 pagi ini masih lagi gelap. Pukul 7.15 pagi sekolah mula, bermakna penuntut terpaksa keluar awal-awal.lagi, pukul 5.30 pagi sudah kena bangun. Kalau yang naik bas itu kerana dia punya 'turn' itu awal, pukul 6.00 pagi dia sudah naik bas. Gelap lagi dia sudah keluar.

Jadi, kalau kita tukar waktu persekolahan itu, kalau dahulunya pukul 7.15 pagi, kita jadikan pukul 9.00 atau 8.30 pagi. Jadi, pukul 8.30 pagi sudah cerah, ibu bapa pun merasa seronoklah sebab dia boleh keluar dengan anaknya sekali. Sebab kalau dia masuk bekerja pukul 8.30 pagi, anak dia pun masuk sekolah pukul 8.30 pagi. Sekali gus boleh hantar dan dia pun senang hati sebab dia tahu bahawa anak dia keluar, waktu sudah cerah - tidak takut. Kalau pagi-pagi dia naik bas, ibu bapa pun merasa runsing sebab masih lagi gelap.

Yang pentingya ialah di waktu ketika di mana perlepan itu berlaku, maka di waktu ketika itu kita ada penuntut-penuntut ini dalam sekolah, daripada pukul 8.30 pagi sampai 4.30 petang. Pukul 4.30 petang 'just nice', sedang eloklah ibu bapa dia balik, mari kutip dia terus balik ke rumah. Jadi, maknanya, tidak akan berlaku perlepan di waktu petang kerana dia dipenuhi dengan waktu sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, kalau kita bolch fikirkan supaya Kementerian Pendidikan mengubahsuaikan waktu ini supaya janganlah kita masuk di sebelah pagi pukul 7.15 pagi dan habis pukul 1,00 tengahari kerana hendak tunggu sampai ibu bapa dia balik pukul 6.00 petang, lima jam dia tidak balik

rumah. Dia boleh makan keluar terus pergi. Dia sudah ada pakaian dalam beg dia dan ibu bapa tidak ada di situ untuk mengawal anak-anak dia. Tidak tahu apa benda yang anak-anak dia buat. Jadi, ini masalah.

Jadi, untuk mengatasi masalah perlepan yang berlaku **ini**, maka kita harus buat pertukaran waktu sekolah daripada pukul 8.30 pagi sampai pukul 4.30 petang. Dengan cara **itu**, tengahari kita boleh kawal **dia**, kita beri dia makan dan beri dia susu, beri makan cukup semua. Tentu orang kata kita ada sistem pagi dan petang kerana tidak cukup bangunan.

Saya rasa tidak cukup bangunan ini bukan satu perkara yang baru, sudah lama. Kalau tidak cukuplah maknanya sebab kita terpaksa mengadakan dua 'session', satu 'session' pagi dan satu 'session' petang. Kita boleh buat iaitu bagi sekolah pagi, kita tentukan sebelah pagi itu dia ambil akademik, petang dia buat ko-kurikulum. Bagi yang dahulunya sekolah petang, pagi dia buat ko-kurikulum, petang dia buat akademik.

Jadi, kita boleh bahagi-bahagi juga sebab ko-kurikulum ini tidak perlukan kepada kelas. Dalam dewan boleh, di padang pun boleh, scout atau apa - boleh, tidak perlu kepada 'classroom'.

Ko-kurikulum kita pastikan tidak memerlukan kepada 'classroom'. Jadi, kita boleh untuk menampung penuntut yang ramai, kita agih-agihkan masa sedemikian rupa. Ada orang yang akademik sebelah pagi, ada akademik sebelah petang. Ada orang yang ko-kurikulum sebelah pagi, ada yang ko-kurikulum sebelah petang. Jadi, sebenarnya ini semua sebagai cadangan sahaja. Tetapi saya rasa kalau kita dapat menukar soal waktu masa persekolahan ini, saya rasa sebahagian besar soal perlepan ini dapat kita atasi. Sebab sepertimana disebutkan oleh Yang Berbormat Dr. Toh yang merupakan seorang pendidik, dia membuat kajian bahawa perlepan ini berlaku di waktu budak-budak itu berumur 14 dan 17 tahun, waktu ini mereka dalam Tingkatan 2 dan juga sampai Tingkatan 5.

Jadi, saya rasa kalau kita boleh memikirkan supaya satu reformasi terhadap pendidikan daripada segi waktu masa persekolahan ini, saya rasa kita boleh mengatasi masalah perlepan yang berlaku dan sekali gus kita dapat menenangkan pemikiran ibu bapa yang tahu bahawa dia akan keluar rumah untuk bekerja bersama-sama dengan anaknya. Maka apabila dia habis kerja nanti, dia juga akan berkesempatan untuk mengambil anaknya dan dia tahu di waktu dia bekerja itu, anak-anaknya selamat duduk dalam sekolah, sedang bersekolah, dan tidak melepak di tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan pos. Saya ada melawat Sarawak. Jadi, Sarawak ini negerinya luas. Satu daripada perkara yang dibangkitkan ialah berkenaan sistem pos yang ada di Sarawak ini, disabitkan oleh kerana Sarawak ini luas, kadang-kadang

terpaksa gunakan sungai untuk pergi ke satu-satu tempat, jadi ini menyulitkan untuk menghantar surat dengan secepat mungkin. Saya rasa ini bukan menjadi masalah. Saya masih ingat semasa saya bersekolah rendah dahulu di kampung saya, di Lenggong, saya tengok memang pada ketika itu, pada tahun 60-an, sistem pos kita memang kurang sedikit. Tetapi pihak pos pada ketika itu mengatasi masalah ini dengan menggunakan bas-bas yang ada 'service' ke kawasan-kawasan kampung ini. Di atas atap bas itu ada kotak merah, dicat merah dan ditulis 'Pos'. Jadi, dia menggunakan bas itu di aamping 'service'nya itu juga untuk menghantar surat. Jadi, maknanya kalau pos ini kurang daripada segi tenaga untuk menghantarkan surat-surat di kawasan-kawasan hulu, maka pihak pos telah menggunakan bas-bas ini dengan memberikan bayaran kepada mereka untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga yang ada di kalangan pos ini.

Saya ada pergi ke Kapit. Saya tengok tiap-tiap jam ada bot pergi ke Kapit dan kemudian ada pergi ke Belaga, Sebenarnya tidak ada masalah soal pos, sebab kalau kita gunakan bot ini, letak di atas atapnya itu kotak merah pos itu, maka mereka ini boleh digunakan sebagai 'service' untuk menghantar surat. Dan juga kalau hendak jual setem pun, kita boleh suruh dia jual setem. Jadi, tidaklah berbangkit masalah hendak pos surat daripada Belaga hendak sampai ke Kuching sehingga 4-5 hari, walhal bot ini tiap-tiap jam ada. Betul tak, Yang Berhormat? Saya tak tahulah, saya bukan orang Sarawak. Tetapi saya tengok bot ini tiap-tiap jam. Mengapa tidak gunakan 'service' bot ini untuk membantu mengatasi masalah lambatnya surat sampai kepada tempat-tempat tertentu. Bot tiap-tiap jam datang. Hantar, letak satu wakil

di Belaga, tiap-tiap bot datang sahaja, dia ambil surat itu, dia chop. Kalau dia orang Belaga, dia tahulah surat itu hendak pergi ke mana, dia tahu kampung itukah, kampung ini, dia tahu. Jadi, masalah ini sebenarnya boleh diatasi kalau kita menggunakan 'service' bot ini untuk membantu soal masalah pos lambat yang selalunya berlaku di kawasan-kawasan pedalaman.

Jadi, saya hendak mencadangkan kepada Kementerian. Saya pergi ini sebab saya dapat sungutan daripada orang-orang Sarawak yang duduk di sepanjang sungai, dia kata masalah 'posting' surat ini masih lagi menjadi masalah, kadang-kadang 4-5 hari. Jadi, kalau sekiranya ini merupakan masalah, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, gunakanlah 'service' bot yang ada di antara Sibul, Kapit dan Belaga ini dijadikan sebagai 'service' untuk membantu mengatasi masalah kelambatan sarapainya surat ke tempat-tempat pedalaman di negeri Sarawak ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelancongan, ini perkara kedua akhir, sebab saya pun tak berniat untuk berucap panjang sangat sebab kawan-kawan lain pun hendak berucap. Saya berkesempatan pergi ke Cameron Highlands, Fraser's Hill dan juga Langkawi. Saya tengok kampung-kampung Orang Asli, kampung-kampung nelayan merupakan tarikan pelancongan, khususnya kepada orang-orang yang datang daripada Barat. Orang Barat datang ke negara kita, dia bukan nak tengok bangunan cantik-cantik, sebab kalau nak tengok bangunan hotel yang tinggi-tinggi, negeri dia pun lebih hebat lagi. Dia datang untuk melihat cara hidup yang 'natural'. Orang Asli hidup macam mana, nelayan macam mana. Jadi, saya tengok macam di Langkawi, ada pelancong-pelancong

daripada Barat hendak tengok 'a Malay fishing village'. Jadi, 'romanticism' yang ada dalam kepala dia ialah 'a fishing village', jadi dia hendak tengoklah. Jadi, 'fishing village' itu merupakan tarikan pelancongan kepada pelancong-pelancong daripada Barat.

Begitu juga dengan perkampungan Orang Asli. Orang pergi ke Cameron Highlands bila sebut 'Orang Asli Village', dia nak tengok 'headman'. Jadi, itu satu tarikan kepada **dia**. Dia nak tengok macam mana 'headman' **ini**. Jadi, saya tengoklah kalau mereka ini nak dijadikan sebagai tarikan kepada pelancongan, dalam suasana rumah-rumah mereka yang begitu daif sekali, saya rasa ia merupakan satu pengiklanan yang negatif terhadap negara kita. Bila dia pergi ke rumah Orang Asli, dia tengok teruk. Pergi ke kampung nelayan, di Langkawikah, di Kuala Perliskah, tengok rumah-rumah teruk. Dia akan pergi, sebab dia nak tengok macam mana 'fishing village', macam mana 'the aboriginal village', dia akan pergi dan ini merupakan satu pengiklanan yang negatif terhadap negara kita. Apa yang akan berlaku, dia kata, 'Malaysia is a terrible state, the village is a.....' dengan izin, ini orang Putih bercakap, 'Orang Asli punya....' terrible, dia kata.

Jadi, saya ingin mencadangkan, oleh kerana mereka ini merupakan tarikan kepada pelancongan, kampung-kampung nelayan di Langkawikah atau di mana-manakah, apa salahnya kalau kita beri subsidi rumah kepada **dia**. Jangan tunggu, maknanya kita beri PPRT sahaja, rumah yang termiskin, tetapi rumah-rumah nelayan, macam di Langkawi itu Kuala Teriang, di Ulu Melaka. Saya rasa kalau kita beri subsidi kepada

mereka, dengan syarat, beri subsidi, ini subsidi nak bangunkan rumah, tetapi buat rumah papan. Cantik rumah itu dan dia akan menjadi sebahagian daripada 'atmosphere' di Langkawi itu. Jangan kita biarkan dia begitu. Bila kita biarkan dia begitu, dia dapat duit nanti, dia akan buat rumah batu.

Rumah batu ini kepada orang kampung ialah satu daripada cita-cita dia. Kalau dia ada duit, dia hendak buat rumah batu. Sebenarnya, rumah batu ini bukannya cantik sangat. Kalau saya duduk di kampung, saya hendak buat rumah papan, rumah kayu. Rumah kayu ini cantik. Jadi, kalau kita menggalakkan mereka, memberikan subsidi untuk mempercantikkan kampung nelayan mereka dengan memberikan subsidi rumah kepada mereka, kita turunkan pula syarat, subsidi ini untuk beli kayu buat rumah papan. Jangan buat rumah-rumah batu, kita tak mahu.

Sebab mana ada rumah nelayan dari rumah batu? Sebenarnya rumah kayu lebih cantik daripada rumah batu.

Rumah batu kena buat di atas tanah, bila hujan sahaja - banjir dan air naik, tetapi kalau rumah kayu, dia ada tiang, jadi kalau air naikpun dia naik tidak kena ke atas. Rumah nelayan yang di tepi pantai mesti rumah kayu, tidak boleh dibina atas tanah, atas tanah dia bahjir - habis. Saya tahu, kerana saya tengok baru-baru ini pada masa musim tengkujuh, saya lihat habis semua.

Cadangan saya ialah, oleh kerana mereka ini merupakan juga tarikan kepada pelancong-pelancong, ini bukan di Pulau Langkawi atau di tempat Orang Asli sahaja, tetapi di Sarawak juga. Kita berilah dia subsidi rumah dan kemudian kita syatkan buat rumah papan yang cantik kerana kehidupan secara semula jadi orang-orang Malaysia di kampung nelayankah, di kampung Ibankah, di tepi sungaikhah, Orang Aslikah, ianya merupakan satu tarikan pelancongan dan kita harus memberikan subsidi kepada mereka untuk mempercantikkan kampung-kampung mereka ini.

Yang terakhir sekali, ini adalah berkenaan dengan fenomena baru, ia tidak baru di Barat, tetapi saya takut akan menjadi fenomena baru di negara kita, yakni 'homeless'. Sebenarnya Malaysia ini tidak patut ada 'homeless', tetapi saya tengok sudah mula hendak ada. Misalnya, kalau kita berjalan malam pukul 1.00 atau pukul 2.00

pagi, kita balik kita tengok ada yang tidur dekat stesen-stesen minyak, dekat bawah jambatan sudah mula hendak **ada**. Jadi, saya rasa kita harus melakukan sesuatu dengan secepat mungkin sebelum berlaku dengan begitu berleluasa sehinggakan menjadi kebiasaan pula. Kita tidak boleh benarkan 'homeless' ini berlaku di negara kita. Kalau ada orang tidur pukul 2.00 pagi di tepi kaki lima, saya harap tangkap dia, dan check balik dia datang daripada mana. Dia mesti ada rumah, sebab kita di Malaysia **ini**, rakyat daripada dunia Timur **ini**, kita ada "extended family system".

Kita bukan macam orang Putih, 'homelessness' yang berlaku di United Kingdom, di Amerika Syarikat **itu**, itu memang benar berlaku, sebab cara pemikiran orang Barat, apabila umur anaknya 21 tahun dia keluar daripada rumah - tidak bolehlah. Dia hanya memikirkan bahawa "aku membela kamu sampai 21 tahun, selepas itu kamu duduk sendiri", sebab itu dia dihalau keluar daripada rumahnya. Dan memangnya itu 'genuine homeless', sebab ibu bapanya sudah tidak mahu terima dia lagi duduk di dalam rumahnya.

Saya pernah tengok seorang actor berkelahi dengan anaknya, anaknya berumur 27 tahun, tidak ada kerja, dihalau anaknya, sebab tidak ada 'extended family system' di sana. Dia kira "aku sudah pelihara kamu 21 tahun, kamu sudah besar, umur 21 tahun - keluar daripada rumah" . Tetapi kita tidak ada sistem sedemikian, yang berumur 40 tahun duduk dengan kita pun ada lagi. Jadi, sebab itu kita tidak boleh mengizinkan bahawa suasana fenomena 'homeless'

ini berlaku di tanah air kita, kerana dia tidak mungkin oleh berlaku di negara kita. Sebab itu kalau didapati ada sahaja yang 'homeless', saya hendak cadangkan kepada Kementerian Dato' Napsiah ini, Kementerian apa?

Seorang Ahli: Kementerian Perpaduan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengambil tindakan tegas, round pada waktu malam, pukul 12.00 malam ke atas. Ada masalahkah, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Round malam-malam....

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa] Jangan salah tangkap pula Datuk Haji Mohamed Nazri...

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Takut Tuan Rahim kita hendak 'volunteer' round malam-malam ini. Jadi, saya hendak wakil daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini round malam-malam, pukul 12.00 malam ke atas, round seluruh Bandaraya kita ini. Kalau ada orang tidur dekat luar - tangkap, jangan beri chance, tangkap dia dan kita check balik dia datang daripada mana? Hantar balik ke kampung dia, jangan beri peluang, jangan pula kita kata, ah! dia boleh tidur, no problemlah! dia boleh tidur di situ - dia tidak kacau orang pun biarlah dia tidur di situ.

Timbalan Yang di-Pertua: 'Homeless'?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha! 'Homeless'.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi 'homeless' yang tidur di bawah jambatan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau orang lain?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau ada orang lain daripada 'homeless'?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tangkap dia di atas alasan-alasan lain pula. **[Ketawa]** Mungkin ada sesuatu benda. Dia memang tidak 'homeless' di Malaysia, sebab society, masyarakat kita 'extended family system' ini ada. Kita tidak halau keluar anak-anak kita, kalau dia tidak kerja pun, dia masih anak kita.

Sebab itu saya tidak percaya kalau ada seorang 'homeless', dia kata dia dihalau oleh ibu bapa - ini tidak betul, sengaja dia lari daripada rumah, Dia datang ke Kuala Lumpur hendak tengok ~~man~~ mana kehidupan di sini. Itu sahaja, datang ke sini tidak ada tempat duduk, dia punya uncle atau sebagainya tldak mahu terima, dia takut nanti ibu bapanya marah, tidak beri duduk di rumahnya, dia lari duduk di bawah jambatan. Saya ada tengok yang tidur ini muda-muda.

Oleh kerana itu saya minta kepada Kerajaan kita untuk mengambil tindakan yang tegas, jangan benarkan 'homeless' ini menjadi satu fenomena yang kononnya, ah! Ini biasa, tidak apa. Tidur di luar, biasa. Jangan, sebab dia akan merebak. Apabila dia merebak, maka dia akan menjadi masalah yang besar kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang tidur di luar, yang 'homeless' ini, dan juga kepada pengemis-pengemis.

Saya tengok pengemis-pengemis tidak sepatutnya berlaku di tanah air kita. Pengemis ini dia memang menyalahgunakan 'child labour' untuk minta duit, sebab kalau dia minta duit, dia akan dapat lebih daripada, dia bekerja. Jadi, saya tengok pengemis-pengemis ini terdiri dari ibu-ibu dengan anak-anaknya, jangan beri peluang. Kalau dia datang daripada luar negara kita, kita tangkap dia sampai waktu dan ketika halau keluar, dia tidak boleh datang ke negara kita untuk menjadi pengemis.

Di negara kita kerja banyak, kalau hendak datang ke negara kita mencari kerja, okay! No problem, tetapi jangan menjadi pengemis di sini, sebab pengemis ini sebenarnya menyalahgunakan apa yang dikatakan perasaan baik hati di kalangan rakyat kita, menyalahgunakan kita punya baik hati itu untuk dia mengemis wang. Walhal dia boleh kerja dan yang paling teruk sekali ialah menggunakan kanak-kanak untuk menjadi pengemis di dalam bandaraya ini.

Sebab itu tidak cukup kalau kita hanya setakat menangkap dia, selepas dia ditangkap satu malam - kemudian lepas - tidak boleh, tangkap - siasat dia punya latar belakang. Kalau bukan rakyat Malaysia, halau dia keluar, dia tidak ada hak untuk datang ke negara kita. Jangan beri peluang, sama ada dia Indonesiakah, Bangladeshkah, apakah, dia mengemis, tidak boleh dalam negara kita.

Hendak kerja okay, mengemis tidak mahu. Nombor satu.

Nombor dua, kalau dia merupakan warganegara kita, kita hantar dia balik ke kampung **dia**, check daripada mana dia datang, beritahu keluarganya, mengapa buat kerja **ini**. Kalau okay, betul, tidak ada duit, kita ada saraan bulanan beri kepada **dia**, tetapi jangan mengemis di dalam bandar. Untuk memastikan supaya ini tidak berlaku, kita kenalah 'tough', tindakan yang kita ambil ini biar tindakan tegas, jangan 'half-hearted', semata-mata hendak mengambil syarat sahaja, pergi round sekali kerana hendak menakutkan orang sahaja. Dia pun tahu....

Tuan Ho Cheng Wang: Penjelasan!

Timbalaa Yang di-Pertua: Penjelasan, ya.

Tuan Ho Cheng Wang: Yang Berhormat tadi mengatakan orang yang lari dari rumah, ibu atau bapanya mahu dia balik, tetapi kita selalu dapati mereka 'penghisap dadah', lari dari rumah dan ibu bapanya tidak mahu dia balik lagi ke rumah, kalau keadaan seperti ini bagaimana hendak menyelesaikan kes ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang kata 'mcnghisap' apa? **[Ketawa]**

Tuan Ho Cheng Wang: Bagaimana kita hendak menyelesaikan kes **ini**, sebab kita menghantar dia balik, ibu bapanya pun tidak mahu dia lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi ada sebut 'hisap', hisap dadah?

Tuan Ho Cheng Wang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta maaf.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang. Kita ada Pusat Pemulihan Dadah, kita tahulah kalau yang penagih dadah itu memang kalau dihantar balik ibu bapanya tidak hendak. Tetapi selagi dia menagih dadah, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meletakkan dia dalam Pusat Pemulihan Dadah. Selagi dia tidak pulih jangan lepaskan dia keluar.

Jadi, masalah penagih dadah yang tidak mahu diterima oleh keluarganya, kita ada Pusat Pemulihan Dadah, problem itu tidak jadi masalah ya! Tuan Ho Cheng Wang. Saya tahu keluarga pun tidak mahu, sebab menghisap dadah ini memalukan keluarga semua. Tetapi kita ada Pusat Pemulihan Dadah yang mana kita akan cuba memulihkan dia. Selagi dia tidak pulih, selagi itu dia tidak akan dibenarkan keluar daripada Pusat Pemulihan Dadah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya hendak ucapkan. Sekali lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih, dan saya sudah di sini dengan menyatakan bahawa saya menyokonglah Titah Ucapan Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad, dipersilakan.

3.00 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam Titah Ucapan, Seri Paduka Baginda ada menyentuh mengenai masalah projek pembinaan perumahan dan juga projek perumahan kos rendah serta kebersihan projek perumahan itu, alam sekitarnya dan juga kebersihan-kebersihan yang lain.

Masalah perumahan ini setiap hari kita dapat melihat di media massa sama ada di TV atau surat-surat khabar, termasuk hari ini dan juga soalan-soalan daripada Ahli-ahli Dewan Negara mengenai beribu-ribu rumah yang terbengkalai. Masalahnya ialah, jawapan dari Menteri selalu mcngatakan - kita telah mengetatkan peraturan-peraturan supaya pemaju lebih bertanggungjawab atas hal perumahan yang terbengkalai **ini**. Perkataan 'ketat' inilah yang kita hendak bincangkan. Ketat yang macam mana? Dia kata ketat, tetapi tindakannya sangat longgar.

Bila projek perumahan itu diperolehi, pihak pemaju mempermainkan peraturan itu dengan tidak jujur dan menghabiskan wang yang dipinjamkan oleh bank serta wang yang dibayar oleh orang-orang yang hendak membeli rumah. Kemudian apabila projek sudah terbengkalai oleh kerana tidak mengikut segala peraturan dan lain-lain, Kementerian kata akan mengambil tindakan yang ketat. Tidak ada bunyi yang menunjukkan bahawa pemaju itu kena denda. Kemudian, kita pula bermurah hati menyediakan satu tabung yang banyak duitnya untuk

membantu pemaju. Dengan adanya tabung inilah mereka lagi seronok - pergi makan angin ke London, Amerika dan lain-lain sedangkan penganiayaan berlaku kepada rakyat jelata yang miskin yang membayar rumah itu.

Orang-orang yang boleh meminjam wang Kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan-jabatan, gaji mereka dipotong. Orang-orang yang meminjam melalui bank, bank juga menetapkan bayaran serta bunganya sedangkan mereka yang membeli rumah ini, rumahnya tidak siap bertahun-tahun dan akhirnya mereka terpaksa juga menyewa rumah yang lain. Jadi, supaya tidak menjemukan soal projek perumahan **ini**, Kementerian hendaklah mengambil tindakan seperti yang dikatakan, kalau ketat mestilah diambil tindakan yang cukup ketat.

Kepada projek perumahan yang baru, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tadi berkendakkan supaya ada rekreasi, kebersihan dan lain-lain. Jadi, apabila pemaju dapat projek perumahan, dia dapat sekeping tanah dan setiap inci tanah itu digunakan untuk membangunkan ruraah, ia tidak mempedulikan alam sekitar yang cantik. Rekreasinya tidak dibuat untuk kemudahan penyejukan kawasan. Itu yang kita malu.

Baru-baru ini saya pergi ke negara jiran Singapura, saya tengok sebelum projek perumahan itu dibuat, alam sekitar, pokok-pokok, tempat rekreasi kanak-kanak dan juga tempat kita duduk bersembang-sembang dibuat terlebih dahulu, kemudian tempat parking kereta disediakan lebih dahulu dengan teratur dalam bangunan yang cantik dengan sekitarnya. Jauh daripada perumahan itu diadakan kemudahan-kemudahan pos, doktor, makanan serta kemudahan membeli-belah. Tetapi dalam projek perumahan kita, setiap inci tanah itu

digunakan untuk membuat rumah yang mesti dijual. Jalan-jalan pun terlalu sempit dalam rancangan perumahan itu sehingga hendak 'parking' kereta dalam satu kawasan perumahan pun payah. Yang ada motokar, mereka dibenarkan membawa kereta dengan hebat. Dalam rancangan perumahan itu tidak ada tempat bermain, anak-anak kecil bermain di tengah jalan. Mereka main badminton, bola sehingga mereka merasakan jalan raya itu sebagai padang permainan. Untuk mengelakkan kemalangan berlaku, tuan rumah di hadapan itu buat pula 'bantal' (bump) jalan untuk mengelakkan supaya kereta jangan lari begitu kuat dan apabila kereta hendak lalu terpaksa terhempas dekat situ.

Oleh sebab penjagaan sudah tidak betul dan Kerajaan Tempatan melalui Majlis-majlis Daerah pula tidak menyemak bagaimana kehidupan orang-orang miskin dan rakyat yang tinggal di kawasan itu ada yang memelihara anjing sebanyak-banyaknya dan apabila kita hendak sembahyang Maghrib anjing itu berbunyi sehebat-hebatnya, lebih kuat daripada takbir "Allahu Akhbar" kita.

Kemudian, orang-orang miskin ini untuk menambahkan pendapatan dia buat reban ayam di belakang rumah dekat dengan pokok tebu. Dia kata, memelihara ayam ini apabila ada reja-reja atau remah makanan bolehlah dicampakkan kepada ayam dan dapatlah ia dijadikan pendapatan tambahan. Jadi, segala kekotoran berlaku, longkang tersumbat menjadikan keadaan begitu busuk dan tidak dipedulikan oleh Kerajaan Tempatan. Ia mengenakan cukai sampah, tetapi sampahnya tidak berangkat. Bila diswastakan sampah, orang yang mendapat kontrak sampah, empat hari baru datang maka masalah bau di sekitar itu.

Saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melihat sendiri tempat-tempat ini daripada duduk di dalam bilik air-condition bercerita, kemudian buat satu peraturan dan lepas itu cakap akan memperketatkan undang-undang. Hendak ketatkan dekat mana, kalau dia tidak pergi tengok? Saya pergi tengok dan saya tidur di rumah itu, sebab saudara mara saya ada yang miskin - siksa nampaknya!

Masalah penjualan daging babi. Terdapat di negeri-negeri dan di Majlis Tempatan keadaannya bersepah-sepah. Di dalam satu kawasan itu penduduknya terdiri daripada yang beragama Islam dan bukan beragama Islam tetapi hari ini daging babi boleh dijual secara terbuka di hadapan rumah orang Islam. Ini sungguh menjijikkan. Saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menguatkuasa, melihat dan memerhatikan Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berkehendakkan kesejahteraan dan kesempurnaan hidup.

Mengenai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memegang hal ehwal Pusat Islam dan juga Tabung Haji. Tadi apabila kita menyoal Menteri yang berkenaan mengenai haji, saya meminta adakah Tabung Haji atau Kementerian kita dapat memberikan peluang kepada mereka yang belum menunaikan fardu haji diutamakan terlebih dahulu. Menteri kita menjawab tidak boleh begitu.

Jadi, kita nampak bahawa selama ini Tabung Haji mengutamakan cara komersil dan keuntungan sahaja. Siapa yang kaya boleh terus cepat bayar duit, dia boleh dapat pergi haji walaupun sudah empat kali pergi haji. Tetapi kalau orang yang belum pergi haji itu terlewat bayar, apabila masuk dalam komputer nombornya kebelakang maka dia tidak dapat pergi. Ini bukti yang terang bahawa Tabung Haji tidak dapat memberi peluang kepada orang yang belum pernah pergi haji mesti pergi haji.

Kemudian, kita dapat menyiasat bahawa orang yang selalu benar pergi haji itu, ada berbagai-bagai fesyen. Ada yang terlampau banyak duit tidak ada apa hendak kerja, dia bila susah hati dia pergi haji, entah macam mana dia menunaikan fardu haji pun tidak kira, asal dia pergi lawan - aku sudah tujuh kali - aku sembilan, katanya, ini hendak masuk yang ke sepuluh. Faedahnya tidak begitu berkesan, sedangkan orang miskin yang menabung perlahan-lahan tadi memang hendak pergi haji sekali seperti mana suruhan Nabi sekali sahaja pergi haji. Jadi, orang yang sekali hendak pergi haji ini lambat sedikit dia hendak menabung, kemudian bila hendak mendaftar pun kadang-kadang dia terlewat. Orang yang ada duit tadi datang dengan serta-merta kena didaftarkan.

Sepatutnya Tabung Haji mengkaji semula supaya kalau kuota tidak dapat ditambah, hanya 0.01% daripada rakyat negara ini diberi sebanyak 19,000, buatlah dalam komputer, utamakan orang yang belum pergi. Mesti dia boleh penuhkan duit **dia**, kalau dia misalannya 17,000 yang belum pergi, 2,000 yang baki itulah diberikan kepada orang-orang yang telah pergi berkali-kali. Ada kesalahan kononnya, ini sama ada Menteri ini percaya atau tidak atau kita percaya atau tidak, tetapi saya selalu duduk di Pejabat Tabung Haji di Kuala Lumpur **ini**, dia tanya kenapa siksa sangat tiap-tiap tahun 19,000 ini

kita merayu. Kenapa Arab payah benar hendak beri. Kadang-kadang tersilap pembesar-pembesar kita juga memberi ucapan, kita katakan tadi bahawa soal haji ini adalah soal kepentingan umat Islam seluruh dunia, jadi Arab jangan 'action' kita kata. Dia mesti beri kita naik haji. Tetapi kita mesti tahu bahawa Baitullah, Madinah dan tempat-tempat yang kita mesti tempoh untuk menunaikan fardu haji ini di dalam negara Arab Saudi. Selagi dia berkuasa dia mempunyai peraturan.

Jadi, sepatutnyalah kita hormat sahaja dia kalau dia beri 19,000. Apa salahnya kita merayu sahaja kepada dia, biarkan Perdana Menteri kita raenulis surat merayu supaya diberi tambahan lagi keseluruhan orang yang mendaftar. Tahun-tahun yang sudah semuanya apabila kita mendaftar 39,000, jadi 19,000 itu dapat ditambah sehingga semua orang-orang yang mendaftar dapat pergi. Tetapi Arab ini tahan hati dia dengan ucapan-ucapan separuh daripada pembesar kita juga tersilap.

Kadang-kadang di negeri Arab berlaku misalannya rusuhan - demonstrasi Iran di Mekah. Kita pula mengeluarkan suara, kita kata itulah negeri Arab sampai ada demonstrasi, sepatutnya negeri Arab ini, Baitullah ini mesti diperintah oleh negara-negara Islam, bukan orang Arab. Marahlah Raja Arab kepada Malaysia - sudah kuota itu payah hendak dapat, pada hal kuota itu boleh diberi.

Kemudian tragedi Muaissim - kita katakan lagi negara Arab ini tidak mengambil perhatian yang baik kepada kemudahan menunaikan fardu haji, duit banyak dapat dia tak hendak buat jambatannya dengan baik. Arab marah juga - dia kata berapa sen yang engkau beri melalui naik haji.

Jadi, tragedi yang telah berlaku begitu, bala misalannya atau apa sebab-sebab dan lain-lain, kita tak usah menyentuh hal **dia**, Jadi, baru-baru ini khabarnya langsung kita tidak dapat ini - ada sensitivitinya dia marah, balik-balik pembesar kita mengatakan: "Tak usah gaduh! Tuan-tuan yang daftar semua dapat pergi haji, insya Allah!" 19,000 ini memang kuota, tetapi kuota negara Indonesia 187,000; yang mendaftar 160,000; ada balance 27,000 dia boleh beri kepada kita.

Negeri China kuotanya 100 juta umat Tslam, boleh beri 100,000; yang pergi dari Negeri China 5,000; kemudian balancenya 95,000 Malaysia boleh ambil. Fasal apa kita pula hendak menentukan, kita cakap sahajalah kepada Arab, kuota kita 19,000, orang yang hendak pergi haji 38,000 - 19,000 lagi yang kekurangan mintalah Arab beri kepada kita kelonggaran - sudahlah.

Kita akan dapat kuota daripada Indonesia. Indonesia pun tulis surat - kita dengar keterangannya untuk menolong Malaysia. Indonesia pun tulis surat kepada Arab Saudi - kuota saya ini boleh diberikan kepada Malaysia. Arab kata, fasal apa engkau pula hendak tunjuk action? Negeri engkau, engkau punya fasallah. Aku sudah beri negeri engkau, apa fasal pula engkau punya kuota hendak diberikan kepada Malaysia - siapa besar? Mekah, Baitullah ini dalam kekuasaan aku, siapa hendak masuk berapa ramai melalui Kerajaan aku, jadi kita mesti tahu jangan sensitif. Orang kaya memang sensitif - Arab kaya.

Kemudian ada satu lagi, entah betul atau tidak, besok pagi Menteri boleh jawab ya? Arab Saudi tahun ini hendak masuk

pertandingan Musabaqah Al-Ouran, bila masuk saringan dia tidak berlagu, dia kata dia tidak boleh berlagu kerana Nabi suruh baca Al-Quran yang tidak berlagu, kita yang sudah pergi haji tahulah di Mekah membaca Al-Ouran sekarang pun ada kaset-kasetnya, mana ada Al-Ouran berlagu daripada Mekah? Jadi, jawatankuasa saringan tidak mahu terima dia masuk bertanding - tidak ada lagu. Kita mengutamakan lagu masri, lagu maghribi, macam-macam lagu. Jadi, akibat daripada itu lagilah Arab marah, baca Al-Quran bukan berlagu, dia kata.

Jadi, Menteri bolehlah jawab ya atau tidak. Jadi, kita hendak supaya yang pertama, kalau kita diberi kuota 19,000 sahaja sedangkan orang yang mendaftar katalah ada 40,000; biarkan Perdana Menteri tulis surat merayu atau wakil kita pergi jumpa Saudi Arabia kerana ramainya orang Islam di Malaysia yang cintakan hendak datang ke Baitullah, yang mencintai negara tanah Arab **ini**, silalah saudara bermurah hati untuk membenarkan jemaah haji ini semuanya pergi. Kalau tidak boleh dapat, tidak usahlah kita katakan kuota dari Seremban daripada mana - tak usahlah kita katakan kuota dari Singapura ada berlebihan, kita katakan bahawa orang-orang yang belum pergi haji, yang pertama tadi dia belum pergi, orang itu mesti diutamakan, kalau tidak kita berdosa. Orang itu hendak pergi buat kali yang pertama, Rukun Islam mesti menunaikan fardu haji dan pergi haji hanya kali yang pertama, kenapa kita mengutamakan orang yang pergi kedua, ketiga, keempat, kelima yang sunat. Kita tidak mengutamakan orang yang hendak pergi wajib? Dosa ditanggung oleh

pemimpin-pemimpin kita, dosa ditanggung oleh Tabung Haji, dosa ditanggung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Besok dia jawab.

Kemudian, semalam saya mempertikaikan Undang-undang Keluarga Islam. Ini yang jadi ketawa bagi orang mendengar bila saya cakap, orang kahwin sepuluh, ada orang-orang kata Datuk Haji Ahmad Abdullah buat jokes sahaja, buat gelak-gelak. Ini telah terbukti dengan terang di Johor kita semua telah baca, kecuali orang Sarawak, orang Sabah tidak dapat baca surat khabar.

Saya duduk di Singapura lima hari menghantar jemaah haji Singapura pergi ke airport, saya dapat membaca semua surat khabar Singapura, macam mana rupa bentuk gambar-gambar orang yang berkahwin sepuluh itu, macam mana rupa isterinya yang pertama, kedua, ketiga sampai kesepuluh. Bagaimana pengikut dia, apakah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak di Singapura yang tidak boleh mengambil tindakan satu pun. Kemudian apabila dia sampai di Johor, dia hendak berkahwin ke sebelas itu yang dia kena tangkap, kerana dia tidak dapat izin daripada ibu bapa orang yang dia hendak kahwin itu.

Kemudian apabila dicaj, hanya Johor boleh mendakwa dia sebagai guru yang tidak ada tauliah, yang lain-lain tidak ada pasal, baru hendak siasat macam mana dia kahwin. Kemudian isteri dia kata terang-terang - kita pun sudah baca surat khabar, saya duduk di Johor - balik dari Singapura, saya duduk di Johor - bukan saya hendak tengok dia kahwin 10, sebab anak saya sakit di Johor. Saya dapat melihat bahawa isterinya berduyun-duyun datang mengatakan dia sayang kepada suami dia. Tidak ada orang yang boleh menceraikan saya dengan suami saya, kami semua boleh tanggung suami kami, kami mempunyai kelulusan universiti, ada pekerjaan, ada rumah.

Jadi, jawapan daripada Menteri yang berkenaan mengatakan ada undang-undang boleh diambil tindakan. Kalau saya bacakan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak dan Keluarga Islam seluruh negeri-negeri dalam Malaysia **ini**, makan masa sampai 4 hari, semua tak sama. Tak ada yang sama, tak ada selaras. Jadi, yang saya minta tadi supaya Menteri yang memegang hal ehwal agama - di sini tak ada Menteri Agama - yang memegang hal ehwal agama, yang berpusat di Pusat Islam, melihat perkembangan undang-undang syarak, Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri, Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri yang tidak sama supaya diselaraskan.

Kemudian katanya, macam mana hendak selaraskan kerana tiap-tiap negeri itu Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, Undang-undang Keluarga Islam adalah di bawah pentadbiran Raja-raja. Raja memang tak pedulikan langsung apa-apa undang—undang, Dia syok dengan kekayaan **dia**, syok dengan kereta besar, syok dengan lain-lain. Dia

apa peduli engkau hendak mati atau apa. Dia mempunyai kuasa, tetapi dia tidak pernah buat undang-undang. Yang membuat undang-undang syarak ini ialah Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Mufti-mufti, cerdik-pandai dalam negeri itu.

Jadi, mereka ini selalu sangat dipanggil mesyuarat ke Pusat Islam. Datuk Mufti seluruh Malaysia dipanggil. Kemudian Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam dipanggil ke Pusat Islam, bermesyuarat. Jadi, kertas-kertas mesyuarat itu tidak pernah terfikir hendak selaraskan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam di seluruh tanah air ini.

Kita contohkan satu dua negeri ringkasnya. Kalau hendak ambil contoh semua negeri Perak dan lain-lain negeri, panjang pula. Negeri Melaka dan negeri Kelantansahajalah misalnya - Kelantan dan Terengganu lebih kurangnya, dalam perkahwinan tadi, hendak berkahwin lebih daripada satu - Kelantan ,dan Terengganu boleh, tak payah minta izin dengan isteri yang pertama, kahwinlah. Nik Aziz pun tak larang, sebab hukum syarak mengatakan boleh kahwin dua, tiga dan empat. Jadi, bolehlah kahwin, asal ada duit bolehlah kahwin. Dia pakai ayat Al-Quran - ayat ini digunakan oleh orang-orang Syi'ah, orang-orang Arqam, berbeza pula dengan Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, orang kaya sahaja boleh kahwin, Datuk?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Kalau kaya sangat lagi takut pula hendak kahwin. Kalau terlampau kaya pun takut kahwin.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Datuk kata orang kaya sensitif macam mana?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Sensitif?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Sensitif?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Orang kaya hendak kahwin di Kelantan, boleh. Jadi, apabila dia gunakan ayat Al-Quran tadi, boleh kahwin dua, tiga dan empat, jadi orang Kelantan boleh kahwin. Tetapi di negeri Melaka, hukum Islam ini ikut hukum syarak boleh kahwin dua, tiga dan empat - tak peduli ada duit atau tak ada duit, kaya atau tak kaya, miskin. Tetapi diluluskan enakmen dalam Dewan Undangan Negeri, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak namanya, bila hendak kahwin, mesti minta kebenaran dengan isteri tua. Tetapi diberi kuasa kepada Kadi Litar - Kadi Litar ini yang cukup kaya sekali. Kadi Litar ialah kadi yang menjatuhkan hukuman. Bila kita jumpa sahaja Kadi Litar, dia mempunyai kuasa penuh defend dia, sama ada hendak panggil bini tua atau tak panggil, Kadi Litar kata boleh kahwin, dia kahwinkan.

Jadi, Jabatan Agama Tslam Melaka tak boleh ambil tindakan kepada Kadi Litar, kerana Kadi Litar pegang kuasa yang diberi pada dia. Kuasa yang diberi pada dia ialah mengikut hukum Islam, kahwin lebih daripada satu tidak boleh meminta izin kepada isteri tua. Jadi, tidakkah berbeza. Enakmen yang diluluskan lain, kuasa yang diberi kepada Kadi Litar lain. Di Kelantan tadi boleh kahwin pula. Orang jadi huru-hara. Di Wilayah, kita dapat dengar kalau hendak kahwin dua, walaupun kaya, siksa.

Kita tengok seorang bintang filem umpamanya, saya tak hendak sebut namanya - seorang bintang filem yang terkenal hendak kahwin dengan seorang kaya, ternama, hebat tetapi tak dapat kahwin, kena bicara. Isteri tua datang meluru membawa peguamnya untuk melawan

suami tidak boleh berkahwin lebih daripada satu. "Tenaga saya cukup, apa lagi hendak?" perempuan itu berkata, "cantik, tenaga zahir batin kuat, apa yang engkau hendak lagi? Apa pasal yang engkau hendak pergi cari lain?" Dia menang. Akhirnya dia lari ke Terengganu. Bila sampai di Terengganu boleh kahwin. Terengganu pun negeri Islam, Wilayah pun Islam. Orang-orang mengejekkan Islam ini. Di Wilayah macam ini seksa, di Terengganu lagi baik.

Jika seluruh negeri tak dapat, pergi Siam - sampai Cangwatt Narathiwat. Saya hafal semua benda ini kerana saya dahulu dalam portfolio Agama lima tahun - yang lari semua dan Arqam yang kahwin di sana mengadu kepada saya. Saya lama dalam portfolio Agama, lima tahun. Kisah kahwin Arqam, kisah kahwin ini semua memang saya tahu. Dia pun pergi ke satu kawasan, saya belum pergi. Bunyinya 'Changwatt Karathiwat' - Hajah Zaleha tak ada. Bersampan khabarnya, dekat sahaja - di sini Kelantan, Changwatt Narathiwat itu sebelah sahaja, naik sarapan, di tepi sungai itu ada tukang nikah. Bayar RM200 atau RM300, nikah. Jadi, orang kaya-kaya dia pergi nikah di sana - Pak Imam yang nikahkan pakai Mercedes, BMW, bini pun banyak, rumah pun besar. Saya tak tengok, orang-orang yang pergi cakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, Datuk tak ada pengalaman?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Pengalaman pergi sana tak ada. Pengalaman kahwin lebih daripada satu ada. [Ketawa] Kemudian, apabila sampai di sini, baca surat khabar, oh! siapa kahwin di Siam kena denda, kena tangkap. Ada negeri-negeri pula tidak tangkap, dia kata aku boleh sahkan engkau kahwin, tetapi lain-lain bab tak ada, jangan pula engkau kena tangkap khalwat, terus engkau kahwin, sah, dia kata.

Ada negeri-negeri kalau tak ada pengaduan apa-apa dari emak bapa; bagus, relax. Kalau ada pengaduan, dia tangkap orang **itu**. Orang itu sudah kahwin di Kelantan, salah daripada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri **itu**, Dia fine murah sangat - RM50.00, RM100.00, apa ada masalah. Kemudian dia beri surat nikah yang baru yang **sah**. Jadi, ini macam mana. Kalau saya hendak cerita setiap negeri mengenai Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak dan Keluarga Islam **ini**, sangat berbeza antara satu dengan yang **lain**.

Jadi, timbullah berbagai-bagai masalah sosial sehingga ada orang kahwin lebih daripada erapat, anaknya bertebaran - hancur. Ada orang sekarang yang kahwin "mutaah" pula - siapa ulama-ulama di dalam ini? Tidak ada? Uztazah Zaleha sahaja ada. Sesiapa yang jadi ulama terangkanlah kepada saya mengenai kahwin "mutaah" **ini**. Sekarang syiah telah menyebarkan mengenai kahwin mutaah, ertinya apabila saya mencintai seseorang wanita.....

Tuan Rahim bin Baba:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Rahim hendak bertanyakah? Ah, hendak keluar.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Katalah, Ainon namanya. "Cik Ainon, saya cintakan awak, awak cintakan saya?" Orang Cina kata, "Ngo ai ni, ni ai ngo ma?", saya minta maaf, bercakap Cina.

Timbalan Yang di-Pertua: Terjemahlah sedikit.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: "Ngo ai ni, ni ai ngo ma?" - **itu**, saudara kita boleh menterjemahkan - "I love you, do you love me?" betulkah itu? **[Ketawa]** - sama makna. Masa itu juga halal, dia menikahkan diri **dia**. Menteri yang berkenaan dengan agama telah menyiarkan dalam akhbar yang menyatakan bahawa orang yang terkena dengan fahaman **ini**, iaitu dari kawasan Kelang sampai kepada bandar ini sahaja adalah seramai 220 orang - jadi, kalau boleh kahwin "mutaah", ada pula bekas Menteri, hari ini sebuah suratkhbar kecil **Media Islam** yang menyatakan kahwin "mutaah" itu berzina, boleh dihukum rejam, tetapi semua cakap sahaja. Seorang kata boleh dihukum rejam, seorang pula kata sudah ramai pengikut, tetapi apakah satu undang-undang yang boleh dikenakan kepada mereka ini? Kalau

zina, dihukum sebat, bolehkah kita sebat dia? Fasal sebat - jangan cakap, yang cakap ini orang besar. Dahulu Menteri, sekarang sudah tidak menjadi Menteri.

Jadi, bila kita bercakap sahaja nanti orang akan mengejek Undang-undang Islam. Kalau cakap mesti buat - kalau tidak, tidak usah buat, tetapi penganiayaan akan berlaku. Inilah sebab terjadinya - bersepah. Tidak pula dikahwinkan dengan sempurna mengikut kehendak-kehendak Islam, betul-betul dia tidak kahwin. Itulah sebabnya bersepah bayi-bayi yang tercampak di tepi-tepi longkang, ada yang bayi belum sempat keluar, emak bapa dia sudah tahu. Mula-mula dia selubung hitam, rupanya dalam selubung hitam, bawahnya sudah membesar. Bila bawah sudah membesar dan emak bapanya sudah tahu, tangkap lelaki itu. Perkara ini baru terjadi, saya tidak hendak cakap kawasannya. Bila sudah terjadi, emak bapanya terus bawa - tadi, hendak nikah bukan main susah, emak bapa dia juga yang tidak mahu nikahkan - tidak sama taraf, bapa yang perempuan bertaraf tinggi, kelas atasan, hebat. Kemudian yang lelakinya kelas bawahan - buruh JKR, tidak boleh kahwin dengan anak aku, lama-lama dia kahwin bawah pokok.

Apabila terjadi pula hampir hendak bersalin, bapa budak perempuan ini dengan serta-merta mengugut kadi pula - kahwinkan anak aku untuk tebus malu, kalau tidak nanti dia keluar. Kadi yang berkenaan pula berkata, memang boleh. Ada separuh tempat pula kata, tidak boleh sedang mengandung tidak boleh nikah, ada kadi yang boleh nikahkan, tidak pula kena apa-apa - kahwin. Seminggu selepas berkahwin lahir anaknya. Satu kampung pula sudah berbau, baru dua

minggu kahwin sudah beranak. Jadi, masalah sosial bukan main hebat sekarang. Jadi, yang boleh membetulkan segala hukum-hukum ini dengan betul ialah Pusat Islam. Menteri yang berkenaan tidak boleh mengatakan ada enakmen yang boleh mengambil tindakan - macam semalam kita dengar, ada enakmen yang boleh diambil tindakan, lelaki yang sepuluh isteri itu bila balik - sihat sahaja.

Saya telefon anak saya di Johor, bagus ya. Dia balik ke rumah, bininya yang sepuluh-sepuluh itu menyambutnya, tetapi enakmen yang mengatakan kita hendak pisahkan dia - apa kuasa pemisah? Bolehkah kita ambil sepuluh-sepuluh orang isteri itu masukkan ke dalam jel dan suaminya dijel di tempat lain? Tidak boleh. Dilepaskan oleh isterinya dengan jaminan kepada suaminya tadi sebanyak RM14,000. Bininya 'terror' ada duit, RM14,000 "nonsense" katanya, apalah RM14,000 - duit aku banyak, tebus suaminya, kemudian dipanggil suaminya "kekanda ku sayang". Ada enakmen yang boleh diambil tindakan! Apa enakmen? Selaraskanlah enakmen ini dengan betul supaya penganiayaan jangan berlaku kepada masyarakat Islam - lelaki pun jangan dianiaya, perempuan pun jangan dianiaya. Ikut betul-betul - yang mana hendak kahwin itu kahwin, jangan gunakan ayat Quran - macam saya bacakan ayat Quran pada hari yang tersebut.

Dia menggunakan ayat itu terang-terang sekarang untuk membolehkan dia memuaskan nafsunya. Dia kata, "Fankihu mathaba lakum minannisaa" - "kahwinlah dengan perempuan-perempuan yang baik, "mithnatha" - dua; "wathulatha" - tiga; "waruba" - empat; "fa'in khiftum illa ta'dilu fawahida" - jika tidak boleh berlaku adil, kahwinlah satu. Dia tidak sambung pula dengan ayat yang di bawah

iaitu kalau tidak boleh berkahwin langsung - berpuasa. Itu yang dia pakai sekarang - petua. Kahwinlah dua, tiga - dia campurkan dua dengan tiga, jadi lima. Campur empat, jadi sembilan, campur satu, jadi sepuluh. Kemudian dia tengok pula riwayat Nabi Muhammad s.a.w. - dia kata "Nabi kahwin 11, jadi dia hendak tambah 11". Sebagai ulama yang memegang tampuk kekuasaan agama, kita mesti betulkan ayat yang salah itu - ayat betul, terjemahnya salah. Ayat itu mengatakan sedaya-upaya kitalah. Kalau nafsu tidak boleh tahan dan macam-macam sebab lain, isteri rosak atau apa semua, nafsu tidak boleh tahan, macam nafsu unta, misalannya, barulah boleh kahwin dua. Sudah kahwin dua pula, dua-dua rosak, kereta sudah tidak boleh pakai, barulah kahwin tiga.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk, sampai cerita unta pun tahu ya?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Unta? Ada orang kata begitu. Kemudian baharulah kahwin empat. Kalau kamu fikir, tidak boleh melakukan keadilan - adil ini dahsyat. Saya tidak mahu bersyarah di sini kerana semua orang sudah tahu. Adil - kalau kita sudah hinggap di rumah isteri yang kedua, isteri yang tua tadi tengah sakit pun kita tidak boleh pergi - mesti duduk di rumah isteri muda. Jangan pula hendak memerap, tengok jam sudah 'time' mesti balik ke rumah isteri tua - mesti balik. Walau pun isteri muda pakai kewan - tinggalkan. Sudah renyuk pun istert tua itu, mesti pergi - tidak boleh, nanti sekejap, aku hendak duduk sihat-sihat di sini barang seminggu - mana boleh. Makanan pun macam itu juga.

Macam saya kena pergi Australia - yang nombor satu itu juga

bajunya, yang nombor dua pun itu juga bajunya. Bukan satu beg kena pikul, dua beg kena bawa balik. **[Ketawa]** Bukan senang. Tetapi dia lantak suka sampai sepuluh. Kalau tidak boleh adil, satu sahaja. Tetapi kalau satu pun tidak terdaya engkau, daripada segala dan seluruhnya tidak terdaya - makan minum yang satu itupun tidak boleh bela, pakaiannya pun tidak boleh bela, keadilan pun tidak boleh - hendak menengking sahaja - lagi baik berpuasa. Itu dia tidak pakai, sekarang dia buat petua pula, ayat Arab dua itu dikatakan "dua-dua" campur "tiga-tiga". $2+2=4$, campur $3+3=6$, campur $4+4=$ jumlahnya 8 jadi, 18. 18 sudah boleh, orang suka petua macam **itu**. Semua masuk dan semua orang hendak jadikan dia guru. Itu yang duit orang kaya-kaya habis gajinya - orang yang mengeluarkan petua ini senang. Kalau saya hendak senang, memang saya jadi ulama macam itu tetapi saya tidak hendak senang sampai macam **itu**.

Jadi, Pusat Islam atau Menteri yang bertanggungjawab mengenai agama ini hendaklah menjemput semua sekali Majlis-majlis Agama Islam Negeri-Negeri Malaysia, Jabatan-jabatan Agama Islam membincangkan khas seminar ini.

Jangan hendak bincangkan hal negeri Arab, Libya, Muammar Gaddafi - itu semua bukan kisah kita. Kisah kita dalam negara ini tidak betul, kita hendaklah menyelesaikan masalah kita. Jadi, itu Jabatan Perdana Menteri tadi.

Tadi kita dengar tentang Kementerian Belia dan Sukan. Bila saya tanya Kementerian ini buat pusat, kem dia. Kementerian menjawab bahawa kem telah dibuat satu di Port Dickson, besar dan disenaraikan. Saya pun tidak ingat berapa puluh kursus-kursus. Kursusnya enam hari atau habis tinggi tujuh hari, ada yang empat hari, ada tiga bari.

Saya sewaktu berumur 16 tahun sampai 29 tahun, masuklah kursus ini daripada penjajah dahulu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terlalu banyak kursus. Kemudian, apabila sudah tua sedikit mengikuti anak muda pergi kursus. Jadi, kursus itu kalau enam hari, tujuh hari semata-mata pergi sedap makan, hendak melepaskan kepenatan, kalau dia guru, kalau dia kerja dalam Jabatan-jabatan, dia dapat cuti - seronok pergi Port Dickson. Kemudian dapat topi. Topi nombor satu sekali. Bila kursus topi nombor satu, t-shirt pun ada.

Seronok, duduk borak-borak sama kawan-kawan, tidur katil dua tingkat. Katil dua tingkat ini seronok - bercakap sahaja. Yang atas itu bercakap, yang bawah dengar. Yang bawah bercakap, yang atas jenguk sedikit ke bawah. Cerita-cerita itu seronok, tidak tidur sampai pagi, esok pagi berbaris. Tetapi kesannya habis duit, tidak begitu banyak memberi faedah kepada belia-belia ini tetapi

belia-belie ini akhirnya manakala dia bekerja atau tidak bekerja, itu yang jadi belia lepak.

Jadi, saya pergi melihat anak-anak buah saya yang ramai di Singapura. Dia tidak ada pula lepak-lepak begini. Dadah pun kurang. Saya tanya sama dia, "Macam mana kau dapat kerja sekarang? Sekarang kau sudah kerjakah belum?". Dia kata, "Pak Lang, belum kerja lagi". "Apa fasal?". "Sekarang dalam kursus 'National Service'. Jadi, sebelum dia hendak bekerja, dia kena masuk 'National Service' setahun terlebih dahulu. Betul-betul dia menghadapi kursus yang memberikan ketaat setiaan kepada negara, taat setia kepada pekerjaan, taat setia kepada keluarga dan lain-lain. Jadi, bila dia bekerja, dia tidak menimbulkan masalah.

Apa salahnya, kita ini selalu bila kita cakap macam **itu**, buat contoh kita tidak hendak ikut orang. Bererti kita ambil contoh orang, segan. Tidak usahlah diikuti contoh 'National Service' tetapi macam 'National Service' **itu**. Berikan kursus selama setahun misalannya sehingga mereka itu taat setia kepada diri mereka sendiri. Taat kepada diri yang penting sekali. Jikalau tidak taat pada diri sendiri walaupun duit dan gajinya berapa banyak, dia tidak kenal diri dia apa patut dibuat, tetapi dia akan menjadi belia yang tidak berguna juga.

Jadi, cubalah Kementerian fikirkan kursus yang panjang, yang agak-agak selama setahun, yang boleh belia ini sedar dirinya siapa. Kemudian ketaatannya kepada negara hendaklah ditanamkan. Tanamkan

ini mahu betul-betul. Jangan dengan menyanyi-nyanyi sahaja. Semangat tanam! Saya melihat pada masa Jepun, kita sendiri orang Melayu, bila kena semangat **itu**, dia sudah bacakan semua sekali ucapan-ucapan, selepas itu dia tanam semangat hujung. Dia punya perkataan... Boleh saya cakap Jepun sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Selepas itu kena terjemahkan ya?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Sudah habis semua kursus, selepas bersyarah-syarah panjang, penghabisan sekali dia kata, "Teno haikano tameine syindanosy". Mati kerana "Tenohaika" - mati syahid. Wah...."Tenohaika" itu macam Allah Taala. Kalau terjemah satu-satu lain bunyi. "Tenohaikano Tameine" - kerana Tenohaika, "syindanosy" - mati itu lebih baik. Tetapi dia punya pengertian yang sebenar, mati kerana "Tenohaika" - mati syahid - "Tenohaikano tameine syindanosy". Jadi, dia tanamkan semangat itu sehingga dia berperang ke seluruh Tenggara Asia dengan basikal dan lain-lain dia boleh hidup.

Jadi, orang Islam pun ada menanamkan semangat kerana Allah S.W.T. Jadi, kita hendakkan satu pemimpin ataupun belia kita pada masa yang akan datang mengetahui, mempunyai semangat kecintaan kepada negara kita, ketaatan kepada dirinya sendiri, ketaatan kepada kerja-kerjanya. Apabila ia sudah tertanam selama setahun begitu hebat, dia tidak ada cuai, bila dia bekerja dalam negara ini dia menjadi orang yang begitu baik.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi peluang kepada kawan-kawan lain. Jadi, saya potong semua, ada satu perkara

sahaja yang Saudara Nazri selalu kata, "Penghabisan yang kedua, penghabisan yang ketiga". Saya "penghabisan yang betul-betul". **[Ketawa]** ini penghabisan sekali, saya sudah potong semua, lapan sahaja kerana ramai kawan-kawan kita belum bercakap.

Mengenai tentera kita di Bosnia, kita memanglah sangat kagum membaca bahawa Menteri Pertahanan kita, Dato' Seri Najib pergi ke Bosnia. Walaupun PBB menasihatkan jangan rempuh, jangan masuk ke kawasan Tentera Keselamatan Pengaman PBB tadi tetapi Dato' Najib berani. Dia menyediakan dua helikopter. Satu, dia naik dengan wartawan-wartawan pergi ke tempat **itu**. Kemudian naik kereta lagi 5 kilometer pergi merempuh ke kawasan tentera kita yang sedang berkhidmat, sedangkan mudah misalannya Serb jika hendak menembak helikopter itu dan penembak-penembak curi begitu banyak.

Semangat yang seperti **itu**, semangat tentera-tentera kita, kalau semua tentera-tentera Islam dalam dunia ini mempunyai semangat seperti **itu**, memang Serb ini boleh dihancurkan tetapi tentera kita di bawah pentadbiran Bangsa-Bangsa Bersatu. Bangsa-Bangsa Bersatu malam tadi telah dikutuk oleh 35,000 masyarakat Malaysia di padang. "Bangsa-Bangsa Bersatu Pembohong" "Pembelit" dan lain-lain ucapan malam tadi, sangat keras. Boutros-Boutros Ghali disuruh meletakkan jawatan. Kemudian segala-gala kutukan dikutukkan kepada pemimpin Serbia.

Tentera kita ada di sana di bawah kawalan Tentera-tentera Bangsa-Bangsa Bersatu hendak menjaga keamanan sahaja. Tidak boleh

menembak dan lain-lain. Semua dalam kawalan. kemudian tentera-tentera Islam dari negeri lain, Iran, Pakistan, Iraq dan lain-lain hendak menolong, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak beri. Jadi, tentera kitalah, tentera Islam yang betul-betul berhadapan dengan tentera Serb. Kalau sekiranya mereka ini di bawah kawalan Tentera Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak dibekalkan dengan alat-alat tentera yang begitu berat, cuma senjata-senjata ringan, jadi, kalau sekiranya kita berdepan dengan tentera Serb yang mempunyai senjata-senjata yang berat, kita akan menghadapi implikasi yang sangat susah.

Jadi, Kementerian Pertahanan kita hendaklah membekalkan tentera kita dengan segala alat senjata yang lebih moden daripada tentera Serb. Kalau Serb berani menyerang kita, kita janganlah ikut arahan Bangsa-bangsa Bersatu lagi. Kita sudah hendak mati pun hendak ikut arahan orang. Misalannya, kalau dia hendak tembak kita; ah jangan. Ini arahan Bangsa-bangsa Bersatu arahkan kita jangan tembak. Kalau kita sudah berdepan betul-betul, segala arahan kita tidak fikirkan lagi.

Kalau kita tidak hendak ikut seperti itu, lebih baik kita balik. Kita menganiayakan diri kita. Jadi, atas semangat Menteri Pertahanan kita, tentera kita yang sanggup berjuang. Menteri Pertahanan saya dapat melihat bahawa apabila kematian tentera kita di Bosnia, Menteri Pertahanan kita dapat menghiburkan hati keluarga orang yang meninggal itu sehibur-hiburnya sehingga tidak merasakan kesedihan sangat. Jadi, contoh pemimpin yang seperti ini hendaklah kita ikuti.

Jadi, tentera kita hendaklah dibekalkan dengan senjata serta-merta sekarang kerana Boutros-Boutros Ghali sudah membenarkan Serb menjalankan arahannya mengikut kehendak-kehendak Serb yang membawa bekalan senjata-senjata yang paling berat ke kawasan-kawasan Bosnia. Jadi, supaya tentera kita dapat bersiap-sedia kalau berlaku sesuatu hal, hendaklah kita bekalkan dengan senjata yang paling moden yang boleh mengatasi senjata-senjata Serb.

Jadi, saya dengan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada tentera kita, Menteri Pertahanan dan saya juga mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah yang telah memberi ucapan pada 11hb April yang lalu. Dengan ini saya menyokong Ucapan Terima Kasih yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahmah.

5.53 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh serta salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk bersama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi berbagai pandangan serta pendapat di dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong dan juga membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Ustazah Hajah Zaleha binti Hussin dengan lantang dan tersusun. Syabas saya ucapkan.

Tuan Yang di-pertua, berdasarkan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Kelapan pada 11hb April 1994 yang lalu, jelas sekali ekonomi negara berkembang begitu pesat. Semua sektor telah memperlihatkan kemajuan dan perkembangan yang begitu menggalakkan. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi masih lagi menjadi bahaya besar yang akan mengancam pertumbuhan ekonomi negara. Menurut pandangan saya, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengawal masalah **ini**. Salah satu langkah yang wajar diambil ialah dengan meningkatkan lagi eksport barangan pembuatan dan produktiviti.

Pelaburan swasta dan pelaburan asing hendaklah dipertingkatkan lagi selaras dengan rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991 - 2000. Guna tenaga juga perlu ditambah pada kadar 3.1% setahun. Keperluan bagi guna tenaga tempatan hendaklah ditambah lagi dengan melatih dan meninggikan lagi kualitinya. Kita menaruh kebimbangan jika tenaga muda kita masih lagi berada di tahap yang lama, kemampuan untuk bersaing dengan negara-negara luar pasti akan terjejas.

Pada masa yang sama tindakan perlulah diambil bagi mengawal kemasukan buruh-buruh asing. Mereka bukan sahaja telah menimbulkan masalah tetapi juga boleh mengancam keselamatan negara di dalam jangka masa panjang. Justeru itu, dasar kemasukan buruh asing yang ada sekarang ini pada pandangan saya perlulah dikaji semula. Kita patut menggalakkan kemasukan golongan profesional dalam berbagai bidang bagi meninggikan lagi produktiviti dan tahap kecekapan pekerja tempatan.

Kita selamanya tidak boleh bergantung kepada pekerja buruh yang rendah. Kita perlu bergerak ke arah "capital intensive" bukan "labour intensive", dengan izin. Selain daripada itu, Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada eksport barangan elektronik, tekstil, pakaian dan peralatan elektrik untuk perkembangan sektor eksport. Kita perlu mempelbagaikan kegiatan ekonominya, dengan value-added, dengan izin, yang lebih tinggi berasaskan kegiatan hiliran dalam memproses sumber-sumber asli dan bahan-bahan mentah untuk dieksport. Walaupun usaha-usaha ini telah dilakukan oleh Kementerian-kementerian berkenaan, tetapi masih banyak lagi bidang yang belum diterokai. Ini termasuklah juga memperbanyakkan prasarana dan penggunaan teknologi tinggi selaras dengan kehendak ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara penting yang memerlukan tindakan segera ialah penubuhan institusi teknologi tinggi. Kita memerlukan lebih banyak lagi institusi teknologi tinggi di seluruh negara. Pada masa ini apa yang kita semua maklum, tidak banyak institusi teknologi tinggi di negara kita. Di dalam konteks pembangunan belia misalnya, hanya terdapat satu sahaja institusi teknologi tinggi iaitu IKTBN yang berada di Sepang. Kerajaan perlu menambahkan lagi bilangannya kerana permohonan untuk kemasukan pelajar-pelajarnya semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Untuk mengatasi masalah ini, saya berpendapat kerjasama dengan pihak swasta dan Kerajaan asing mestilah dilakukan. Saya mencadangkan agar syarikat-syarikat asing yang telah mantap kedudukannya perlu membantu menubuhkan institusi-institusi teknologi tinggi. Ini adalah bertujuan untuk melatih pekerja-pekerja tempatan supaya lebih ketrampilan dan mampu bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pada masa yang sama usaha-usaha bagi meningkatkan taraf dan kualiti institusi-institusi kemahiran tempatan hendaklah dilakukan. Kita sangat kekurangan tenaga separuh profesional, pengurusan dan teknikal. Hal ini sangat ketara sekali di dalam sektor-sektor perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan. Bilangan bumiputera di dalam bidang berkenaan juga sangat kecil bilangannya. Oleh itu pihak swasta perlu mengambil dan melatih golongan tersebut di dalam organisasi mereka. Menurut hemat saya, dasar pengambilan ini masih lagi belum memuaskan. Kerajaan perlu mengambil tindakan segera dengan

mengenakan syarat-syarat khas kepada pihak swasta. Ini bertujuan supaya guna tenaga bumiputera di dalam berbagai sektor dapat diperbaiki dan mencerminkan pelbagai kaum yang wujud di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu fenomena baru dalam kehidupan di kota-kota besar ialah terdapatnya langkah-langkah ke arah meninggikan lagi kualiti di dalam gaya hidup kota. Tindakan bagi membina persekitarannya yang sihat, selamat dan selesa memang patut dipuji. Walaupun begitu, pelan struktur dan pembinaan fizikal yang baik dan sempurna sahaja belum memadai. Kita memerlukan pengisian program dan pembinaan jiwa penghuni kota yang beridentiti dan bermartabat tinggi. Berdasarkan pembangunan bandar sekarang, jelas sekali coraknya masih lagi bersifat konvensional. Dengan ini ia menimbulkan masalahnya yang tersendiri. Di antara masalah ini termasuklah setinggan, perumahan, pengangguran, kemiskinan, kemudahan asas dan jenayah.

Ini diikuti oleh masalah kerosakan akhlak, kekacauan jiwa dan keruntuhan sosial. Punca keruntuhan ini menyebabkan manusia kehilangan dirinya di dalam masyarakat dan persekitarannya. Langkah-langkah untuk menyelesaikannya lebih merupakan mengubati tanda-tanda penyakit tetapi tidak masalah keseluruhannya. Masalah ini akan terus berlanjutan tanpa penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, menurut hemat saya telah tiba masanya Kerajaan menubuhkan bandar **belia** bagi memenuhi **cita-cita** cabaran dan matlamat Wawasan 2020 sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Model pembangunan bandar **belia** mestilah berdasarkan acuan kita sendiri. Ia tidak boleh berasaskan konsep perbandaran negara maju, baik dari Barat mahupun dari Timur. Ia bukanlah berpaksikan pembangunan semata tetapi berpaksikan pembangunan **nilai** di dalam konteks pembinaan insan.

Fokus terhadap golongan **belia** ini sangat penting kerana mereka adalah merupakan golongan **majoriti** di dalam negara **ini**. Penekanan terhadap pembangunan **nilai** ini menjadi teras dalam pembangunan bandar **belia**. Ia merupakan satu paradigmatik ke arah kecemerlangan dari segi kualiti dan kuantiti aktiviti **belia**. Selama **ini**,

aktiviti-aktiviti belia dan sukan lebih bersifat pertandingan, berasing, berkelompok dan tidak mengikut arus perdana masyarakat. Dengan wujudnya bandar belia ini nanti, ia bukan sahaja dapat mengatasi masalah sosial belia tetapi juga dapat membina kembali psikologi belia supaya selaras dengan aspirasi nasional. Saya berharap idea ini akan dikaji dengan lebih teliti oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi mengangkat martabat belia kota di dalam semua bidang kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telah berjaya menegakkan prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang. Ini untuk menjamin kedudukan dan hak istimewa semua lapisan rakyat. Di dalam usaha bagi mencapai hasrat sedemikian, saya berpendapat program-program kesedaran sivik dan ketatanegaraan perlulah diperbanyakkan lagi. Beberapa strategi dan kumpulan sasaran bendaklah kita kenal pasti. Golongan pelajar, golongan belia dan golongan pekerja-pekerja hendaklah ditanamkan dengan kesedaran dan rasa cinta terhadap negara kita ini. Pada masa yang sama, pendatang-pendatang asing patut diorientasikan pemikiran mereka sesuai dengan kehendak dan keperluan negara. Golongan pendatang asing ini telah dibiarkan begitu sahaja tanpa pemupukan nilai-nilai Malaysia.

Saya berharap Biro Tata Negara, Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain perlu prihatin terhadap masalah tersebut. Kita memerlukan semua pihak supaya menghayati Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang. Dengan cara demikian, negara kita akan menjadi lebih stabil, kukuh dan kuat sepanjang masa. Kita bukan sahaja mementingkan kuantiti tetapi juga kualiti

rakyat yang mampu bersaing di dalam menghadapi abad yang ke-21;.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia **ini**, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian di bawah Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Sebagaimana kita sedia maklum bahawasanya negara kita Malaysia adalah salah satu negara yang begitu stabil ekonominya serta penduduk-penduduknya dapat menikmati kemewahan hidup yang dapat kita banggakan. Walaupun kita hidup berbilang kaum dan menganuti berbagai corak agama tetapi kita semua dapat hidup dengan penuh kemesraan serta perpaduan dengan berkat kepimpinan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara yang aman dan makmur **ini**, maka ramailah rakyat yang beragama Islam berhasrat bagi menunaikan Rukun Islam yang kelima iaitu menyempurnakan ibadat haji di Makatul Mukaramah dan di Madinatul Munawarah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya, seramai 30,000 lebih saudara-saudari Islam kita yang berkemampuan berhasrat untuk menunaikan fardu haji pada tahun ini. Tetapi apakan daya, wahai Tuan Yang di-Pertua, kita hanya merancang, Tuhan Yang Maha Berkuasa yang menentukan. Di antara seramai ini, yang berjaya hanya lebih kurang 20,000 orang sahaja. Di antara 20,000 orang ini tentu-lah ada yang telah beberapa kali menunaikan fardu haji ini dan ada juga yang belum sekali pun menunaikan fardu haji yang mulia **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar pemilihan ini hendaklah diproses secara adil dan saksama oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Semoga saudara-saudari Islam kita yang belum pernah menunaikan fardu haji ini dapat menyempurnakannya. Cara pemerosesan ini hendaklah dibuat di peringkat daerah-daerah. Saya yakin dan percaya bahawa dengan cara ini sahaja, maka hasrat

saudara-saudari kita yang belum pernah menunaikan rukun ini akan dapat menyempurnakannya kerana kita tahu bahawa kakitangan serta pegawai-pegawai Tabung Haji di daerah-daerah tidak kurang cekapnya serta amat prihatin kepada saudara kita yang tidak pernah sekalipun lagi ke Mekah dan saya berharap apa yang saya katakan ini akan diberi perhatian serta juga tindakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya dengan penuh kesyukuran menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan **ini**, saya sudahi dengan Wassalaa-mualaikum Warahmatullaahi Taala Wabarakaatuh. Terima kasih.

Timbalan Tang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

6.07 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Ucapan Perasmian Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Menurut Ucapan DYMM Yang di-Pertuan Agong, ekonomi negara kita terus meningkat manakala ekonomi dunia kini tidak begitu stabil. Ini merupakan berita yang sungguh menggalakkan bagi semua rakyat jelata Malaysia. Saya harap Kerajaan akan menghargai mempertahankan dan memperkukuhkan kedudukan yang baik ini.

Mengenai isu pelaburan asing yang kian berkurangan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz telah mengatakan baru-baru ini bahawa pelaburan

tempatan lebih penting untuk pembangunan ekonomi negara. Memang benar kewujudan kapital atau modal tempatan serta kegiatan pelaburan semula modal ini boleh mendatangkan kesan perkembangan ekonomi dan dapat mendorong pembangunan ekonomi negara ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Sepanjang 10 tahun yang lembab ini, pemimpin-pemimpin negara kita telah berusaha kuat untuk menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara kita. Usaha ini telah berjaya membawa pembangunan pesat dalam bidang industri dan seterusnya memajukan sektor-sektor yang lain. Akan tetapi pelaburan-pelaburan asing ini tidak mungkin akan berterusan hingga selama-lamanya.

Oleh yang demikian, demi mempertingkatkan sektor industri negara kita, penggalak utama perlu datang dari dalam walaupun menarik pelaburan asing mempunyai kebaikan-kebaikan berikut:

- (i) secara langsung mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara;
- (ii) menjuruskan penghantaran teknologi canggih;
- (iii) mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan; dan
- (iv) dapat membuka pasaran asing di mana persaingan adalah hebat.

Walau bagaimanapun, ini hanya boleh dianggap sebagai keperluan kepada sesuatu masa atau peringkat pembangunan sekiranya asas yang kukuh telah diletakkan dengan menggunakan sokongan pelaburan-pejaburan asing ini. Kita harus menjuruskan kuasa penggerak tempatan untuk pembangunan sektor industri kita. Sekiranya tidak membuat demikian dan semata-mata mengharapkan pelaburan asing, dengan mudah kita dibelenggu oleh negara-negara maju.

Jepun, Taiwan dan Hong Kong merupakan pihak-pihak yang telah memperolehi kejayaan yang cemerlang dan faktor penting adalah negara-negara ini berjaya membebaskan diri mereka dari belenggu pelaburan asing serta berjaya menggerakkan daya pembangunan sendiri. Bagaimanapun, Kerajaan perlu juga menyediakan suasana yang baik bagi pemodal-pemodal tempatan sama ada besar atau kecil serta menaikkan industri-industri yang strategik bagi memberikan tempoh pengecualian cukai demi untuk menggalakkan pemodal-pemodal tempatan untuk melabur.

Salah satu daripada langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti yang dicadangkan oleh Dewan Peniaga Cina Malaysia ialah meninjau semula Peraturan Penyelarasan Industri tahun 1975. Ini adalah untuk mempertingkatkan lagi tarikan minat pelabur-pelabur tempatan. Pada masa ini kalangan industri dan perdagangan sedang giat bergerak dan pembangunan pesat tetapi masih ada aspek-aspek yang perlu diambil berat. Misalnya, terdapat banyak modal tempatan telah mengalir keluar ke negara-negara asing seperti Vietnam, Filipina dan China akibat perhubungan perdagangan yang semakin luas.

Perkara ini telah menjadi satu fenomena di kalangan pengusaha besar dan sederhana. Pelaburan-pelaburan di luar negeri ini hanya dapat menggunakan teknologi dari negara kita yang sedia ada dan masih gagal memperolehi teknologi sains dan industri yang tinggi dari negara-negara asing. Didapati kebanyakan pelaburan kita di luar negeri hanya merupakan pelaburan modal seperti bergiat dalam pasaran saham dan sebagainya. Pelaburan dalam sektor industri masih kurang.

Oleh yang demikian, sekiranya kita ingin mempertingkatkan lagi pelaburan modal tempatan di negara kita, tindakan-tindakan berkaitan perlu diambil:

- (i) meninjau semula Peraturan Penyelarasan Industri secara mendalam, menggalak pembangunan pengusaha sederhana dan kecil bagi mendorong pengeksportan keluaran-keluaran mereka;

- (ii) membuka industri strategik yang berteknologi tinggi, menghalakan simpanan rakyat untuk melabur dalam sektor pengeluaran, mengelakkan perbelanjaan yang tinggi dalam barangan pengguna dan bertindak supaya rakyat tidak menceburkan diri dalam pasaran saham secara keterlaluan sehingga mewujudkan 'bubble economy';

- (iii) memajukan pasaran barangan tempatan untuk mengambil alih tempat barangan negara-negara asing. Hanya dengan mempertingkatkan pelaburan-pelaburan modal tempatan dapat kita memperkukuhkan kemerdekaan dan kebebasan ekonomi negara kita dan dapat kita mengatasi ugutan menarik balik modal yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing serta ancaman-ancaman lain daripada negara-negara maju.

Oleh itu, saya berharap supaya selain berusaha untuk menarik pelaburan asing, Kerajaan perlu juga menjaga kepentingan perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap orang rakyat kini sedang berusaha gigih untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita. Malangnya, Bank Negara telah mengalami kerugian besar dalam pasaran matawang asing sebanyak RM16 bilion dalam masa 2 tahun. Berdasarkan bilangan rakyat

Malaysia seramai 17 juta **ini**, bermakna kerugian hampir RM1,000 setiap orang rakyat. Oleh itu, saya berharap Bank Negara akan lebih peka dan bertindak cermat untuk memupuk semula keyakinan rakyat terhadap Bank Negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah.

6.17 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah sempena perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat Parlimen Kelapan pada **11b** April 1994 yang lalu.

Saya bersama-sama Seri Paduka Baginda turut bersyukur keadaan negara dalam keadaan baik dan saya juga turut bersetuju bahawa kita seharusnya terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara akan mencapai 8.2% dan pendapatan per kapita penduduk juga dijangka meningkat kepada RM9,134 pada akhir tahun 1994 **ini**. Bagaimanapun, purata pendapatan individu jika dikira berpandukan pendapatan per kapita tadi jumlahnya adalah lebih kurang RM3,000. Apa yang saya ingin tegaskan di sini adalah pendapatan purata tadi amat tinggi jika dibandingkan dengan pendapatan sebenar penduduk luar bandar hari **ini**, ianya amat rendah dan pendapatan wanitalah yang paling rendah di antara semua.

Kerajaan harus sedar bahawa kos untuk membangunkan penduduk di kawasan luar bandar amat tinggi dan melibatkan banyak agensi. Mengikut perkiraan saya, untuk membangun kawasan luar bandar, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM5,000 per individu dan agensi-agensi yang terlibat sebegitu banyak iaitu Majlis Daerah, Jabatan Penerangan, agensi-agensi lain yang turut terlibat seperti LPN, MADA, KEDA, FAMA, MARDI, KEMAS dan, lain-lain. Apa yang paling mengecewakan setelah sebegitu banyak agensi yang terlibat, pulangan tidak setimpal dengan apa yang diberikan.

Kita sendiri tidak pasti apakah agensi-agensi yang terlibat benar-benar menjalankan kewajibannya atau sekadar melepaskan batuk ditangga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini buat pertama kalinya industri pengeluaran ayam telur dan ayam daging telah disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur. Apabila diteliti, perusahaan tersebut telah pun mencatat keuntungan berjuta-juta ringgit dalam jangka masa tiga tahun dan pengusahanya hanya melaburkan sejumlah modal yang sederhana 10 tahun yang lalu. Mengikut perkiraan saya, pada masa yang sama mungkin lebih daripada 20 tahun yang lalu, Kerajaan cuba mengketengahkan industri ini ke kampung-kampung tradisi, tetapi setelah begitu banyak wang dicurahkan dan setelah begitu banyak agensi yang terlibat bagi membangunkan industri ini, apakah Kerajaan mendapat satu pulangan atau hasil yang boleh dibanggakan.

Saya cadangkan agar Kerajaan mengenalpasti agensi khusus bertanggungjawab ke atas mana-mana satu program yang boleh dijalankan di satu-satu kawasan atau daerah sehingga dilihat hasilnya. Pada masa yang sama, Kerajaan juga dapat menilai prestasi agensi-agensi tersebut dan juga menilai pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dan dapat mengikut Sistem Saraan Baru yang kini dipersoalkan implementasinya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang diperlukan oleh mereka di luar bandar adalah peluang untuk meningkatkan cara hidup. Peluang itu hanya dapat diusahakan jika mereka diberikan pendidikan dan

peluang yang sewajarnya. Satu perkara yang saya ingin lihat ialah melihat wanita-wanita di kampung-kampung beramai-ramai atau setiap hari membaca di pusat sumber, memperdalamkan ilmu pengetahuan mereka dengan bacaan-bacaan yang berfaedah, seperti akhbar, majalah dan buku-buku rencana tentang cara pemakanan yang baik, kaedah mendidik anak yang terancang dan lain-lain. Seterusnya, mereka akan berdiskusi sesama sendiri untuk memahaminya. Mungkin hasil daripada diskusi tersebut, akan lahir pertandingan membaca sifir antara anak-anak mereka pada minggu hadapannya dan lain-lain aktiviti lagi.

Inilah satu yang akan menjadi kenyataan jika agensi-agensi Kerajaan berjiwa besar dan berorientasikan, dengan izini, 'productivity'. Apa yang kita dapati sekarang, kebanyakan agensi Kerajaan di luar bandar mengejar orang yang sama dan mewujudkan kaedah yang sama sehingga menyebabkan berlakunya pertindihan yang ketara, yang mana ianya sudah tidak produktif lagi, malahan ia kini menjadi 'counter productive", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pada perkiraan saya, kini sudah wujud satu 'trend' baru bagi masyarakat luar bandar iaitu budaya bekerja kilang. Saya bukan menghalang daripada masyarakat kampung, khususnya wanita-wanita luar bandar bekerja di kilang-kilang, cuma apa yang saya kesalkan ialah ibu-ibu muda yang mempunyai anak-anak yang masih memerlukan belaian dan kasih sayang ibu bapa sudah memasuki ke pekerjaan **ini**. Walaupun ia dapat menambahkan pendapatan keluarga, tetapi kesannya tetap ada.

Di sini, keselesaan hidup kekeluargaan terancam, anak-anak kini menjadi terbiar kerana ibu bapa memerlukan masa yang lama di tempat kerja dan juga di dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja

dan ke rumah. Saya pernah lihat sendiri anak-anak kecil ditinggalkan daripada jam 6.00 pagi sehingga 7.00 petang tanpa jagaan yang sempurna. Alangkah baiknya Kerajaan dapat mewujudkan peluang mencari pendapatan sampingan untuk para wanita tanpa meninggalkan rumah dan anak-anak mereka. Saya yakin wanita-wanita di kampung boleh menjalankan projek pengeluaran bunga-bunga dan pokok hiasan. Projek-projek semacam ini dapat mewujudkan sumber pendapatan bagi mereka di kampung tersebut.

Lagi baik jika satu-satu kampung dapat mewujudkan satu produk istimewa ataupun, dengan izin, 'specialisation of product'. Mungkin ada kampung yang 'specialise'nya, misalannya menanam serai ataupun kunyit, yang dapat mengeluarkan berbagai-bagai jenis serai dan kunyit yang bermutu dan terbaik. Mungkin dapat mewujudkan satu 'research and development centre'nya sendiri di kampung tersebut dan mungkin di satu hari nanti dapat mencipta satu bahan baru hasil daripada serai dan kunyit yang mereka tanami. Jadi, inilah saya rasa dapat kita wujudkan di kampung-kampung.

Saya ingin juga meneruskan dengan menyentuh tentang tidak keberkesanannya dan ketidak efisiennya sistem pentadbiran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Ketidak efisiennya ini mungkin disebabkan oleh corak pentadbiran yang tidak sistematik dan kepimpinan yang kurang berwibawa. Banyak aduan diterima, khususnya oleh masyarakat desa tentang sistem LPP ini. Oleh itu, saya meminta Kementerian Pertanian mengkaji dan menyusun semula sistem pentadbirannya supaya corak kepimpinan dipertingkatkan, terutamanya di peringkat 'grass root' ataupun akar umbi agar lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa begitu kesal apabila mendapat tahu bahawa sebanyak 9,000 persatuan belia seluruh negara tidak aktif, malah persatuan-persatuan belia di pinggir bandar dan desa terus lumpuh. Saya juga merasa kesal kerana 60% penduduk negara ini adalah golongan belia, tetapi hanya 1.8 juta sahaja yang menjadi ahli persatuan. Di manakah letaknya peranan Dasar Belia Negara dan mengapakah ianya tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya?

Dengan ini, saya meminta agar Kementerian Belia dan Sukan memperbaiki kembali Majlis Belia Negara supaya Majlis Belia dan Persatuan Belia Tempatan kembali bertanggungjawab dan menyediakan golongan belia yang mempunyai kemahiran serta berkualiti. Masalah belia tidak berkualiti, terutamanya dalam bidang pendidikan, khususnya penguasaan Sains dan Teknologi, Matematik dan Bahasa Inggeris dapat diatasi sekiranya belia negara meningkatkan lagi hubungan dengan belia-belia dari negara luar.

Memang tidak dapat dinafikan belia-belia, termasuk para pelajar hari ini amat lemah dalam mata pelajaran seperti **ini**. Bengkel-bengkel dan taklimat boleh dijadikan sebagai satu cara untuk mengatasi masalah **ini**. Pertukaran belia-belia tempatan dan luar negeri, terutama negara-negara yang mahir dalam ketiga-tiga mata pelajaran ini boleh membantu mengatasi masalah ini, di samping kesempatan untuk menghubungkan silatulahim serta bertukar-tukar fikiran antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh tentang keadaan rumah kos rendah yang ada sekarang dan yang bakal dimajukan. Saya dapati keadaan rumah kos rendah yang ada sekarang tidak sesuai untuk keselesaan penghuninya. Rumah tersebut terlalu sempit, tidak

mempunyai ruang yang mencukupi tanpa pusat rekreasi, prasarana, perpustakaan serta kemudahan-kemudahan asas yang lain. Disebabkan ketidak selesaan ini, maka didapati ramai remaja yang enggan duduk di rumah dan gemar membuat perkara-perkara yang tidak baik untuk mengisi masa lapang, seperti melepak, menagih dadah dan sebagainya.

Oleh itu, saya minta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar menyediakan garis panduan kepada pemaju-pemaju perumahan agar menyediakan kemudahan asas dan prasarana yang baik demi membangunkan kaum keluarga, khususnya perumahan kos rendah untuk mewujudkan masyarakat yang kita idamkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, seruan Seri Paduka Baginda supaya Ahli-ahli Dewan Negara menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur, dijunjung dan akan dilaksanakan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau ada sesiapa yang hendak **ber-**cakap, saya boleh beri seminit, kemudian sambung esok, ada istimewa **ini**. Kalau tidak, kita boleh berhenti sekarang. Ada keistimewaan! Ya, Tuan Hanipah, silakan.

6.29 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas kesempatan yang **diberi** kepada saya untuk turut bersama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda tempoh hari.

Saya mengharapkan segala titah-titah yang telah diperkatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat dipatuhi dan diikuti oleh seluruh rakyat dan juga pemerintah yang

memerintah di negara ini. Di dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda telah menyebut suasana ekonomi negara pada masa **kini**. Kita berharap perkembangan ekonomi ini akan berterusan demi meletakkan Malaysia selaku sebuah negara yang membangun dan selaku sebuah negara yang mempunyai keupayaan berdiri di atas kaki sendiri dalam semua segi yang ada kaitan dengan pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari **ini**, 10hb.....

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat Tuan Hanipah, kita sambung esok, sila duduk.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.